

## **SOUND BITES - WAJAH PEMIMPIN**

**chedet.co.cc**

**October 14, 2009**

**By Dr. Mahathir Mohamad**

1. Di zaman pemerintahan Tun Abdullah Badawi seluruh negara disalut dengan sepanduk dan papan tanda besar yang menunjuk wajah Perdana Menteri bersama Menteri-Menteri tertentu, Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri.
2. Seorang Menteri pelancongan mempamerkan sepanduk dan papan tanda yang mempunyai gambarnya bersama Perdana Menteri diseluruh negara seolah-olah pelancong akan tertarik melawat Malaysia untuk melihat sepanduk berkenaan.
3. Setelah Dato Seri Najib menjadi Perdana Menteri semua sepanduk dan iklan yang lama telah diturunkan.
4. Saya harap amalan seperti ini tidak diadakan lagi. Jauh daripada mereka yang menaikkan gambar mereka menjadi popular, rakyat sebenarnya jelak dan bosan melihat sepanduk-sepanduk ini mencemarkan kecantikan alam.
5. Saya akan ditegur bahawa di masa saya dulu ada juga sepanduk seperti ini yang dinaikkan oleh Menteri Besar tetapi tidak oleh Menteri Kabinet. Saya akui saya tidak ambil tindakan yang tegas menghentikan amalan ini. Tetapi tidak semua Menteri Besar yang mencuba tunjuk betapa dekatnya mereka dengan Perdana Menteri melalui cara ini.
6. Saya harap Barisan Nasional tidak memulakan semula amalan ini. Ia hanya akan menimbul kebencian kepada mereka.

## **138 Comments**

By daeng  on [November 13, 2009 4:06 PM](#)

Salam hormat Tun, semoga Allah melimpahkan kerahmatan kesihatan Tun sentiasa.

Sebenarnya potret Dolah semasa pemerintahannya dahulu boleh kita lihat dimerata pelusuk negara hanya dirinya perasan bahawa dia tu handsome konon. Dia ingat senyuman dia tu membuatkan saya terpikat dan memuji dia. Tetapi dia tak tahu berjuta rakyat Malaysia asyik menyumpah termasuk saya kerana kebodohan dia sebagai PM dan Presiden Umno membuatkan Malaysia hampir lingkop dibuatnya.

Selepas dia letak jawatan, saya turut bersyukur dan tenang dan sekarang ni saya boleh tido lena. Kalau dia jadi PM saya dengar statement nya di tv ... saya terus tukar channel lain. Kalau terus dengar saya rasa "jiwa kacau".

Sekian tun.

By badri  on [November 13, 2009 10:39 AM](#)

Tun,

Watpa kita nak agung2kan wajah pemimpin tepi jalan. Tu semua pkai duit rakyat. Baik pemimpin semua pikiaq brapa ramai rakyat kita ni nak makan pun payah. Baik depa amik duit tu bagi rakyat

makan. Tlg rakyat yg dok payah undi depa. Lagi rakyat respek dari tgk gambaq depa tepi jalan. Rakyat akan igt dan hargai pertolongan pemimpin. Bukan igt pemimpin sbb tgk gambaq.

By sitinur  on [November 8, 2009 5:45 PM](#)

Asalamualaikum....saja2 nak borak ngan bapak...baru2 ni najib kata toksah duk bergantung ngan subsidi...kaler ye pun duk bagi subsidi kat kami yg marhain ni yg najib beli barang n isi minyak tu rega lain ke.....dah naik pekak telinga dah ni duk di dendang ngan perkataan subsidi ngan tongkat.....kami ni kaler kuah pun dapat yg kat mangkuk tu yg boleh sapu ngan roti bagi ada rasa...oooo..kuag kari...ooo kuah masak lomak cili api.....la ni dlm satu ucapan dia(dlm minggu ni..subsidi beras...) dia kata kaler makan sekali 1/2 pinggan cukup...tapi kaler sampai 3 pinggan takto nak kata....mungkin dia tak berniat memperlekehkan kami2 yg daif ni... tau ke dia kenapa ada org2 daif ni makan 3 pinggan...depa keja bukan pegang pen....depa pegang cangkul sabit tong racun pengait wandi.. najib tau aper tu wandi...keta sorong roda satu...slop...najib tau aper tu slop...pemotong sawit....depa ni kaler dah makan nasi takde pulak makan steak burger/kuih lain.... sebagai pm cakap biar berhemah.....kata berpendidikan tinggi.... ntah lah saya pun bila nampak n dgr jer saper2 yg cuma tau cakap gah jer terus jadi pekak.....penat letih.....

By mesia  on [November 4, 2009 3:15 AM](#)

Yelah, nape pak lah dapat Tun ye? Dia mana layak, macam dah wajib pula semua bekas perdana menteri dapat gelaran 'Tun'. Ceis.

By Pangait  on [November 3, 2009 11:00 PM](#)

Menggunakan wang kerajaan untuk promosi diri menteri adalah rasuah

By wawa2011  on [October 27, 2009 3:41 PM](#)

Dear Tun,

I have went to one of the launching of one of the university and DSN was invited. All the staff are so excited that we would able to shake hand with DSN and take pictures with him. Apparently, when DSN arrived, nobody were allowed to take any pictures from our own camera and the no shaking hands with him unless there is a media.

From there, I can see the differences between him and you. I still remember, you went to S'wak with DSAI and all of us are allowed to shake hand with you and I was 8 that time. My father who brought u all over MIRI for your visit as he is the DO there.

I know maybe DSN have many controversial things and afraid of his wife... but as Prime Minister, shouldnt you allow us to take picture as if you are from Royal? I think only 4 of Malaysian Prime Minister i would give salutation but not to other recent two. this is because they never live as a citizen, they are from "bangsawan" or urban/elite people... they dont know how do we feel to meet up with our PM.

I will love you and your wife always but not them! screw them!

By efa  on [October 27, 2009 8:35 AM](#)

assalamualaikum..Tun

baru2 ini saya ada terbaca berita `Manoharan ingin menhadapkan Tun ke makamah

antarabangsa. Saya rasa ini keterlaluan..dia sangka dia akan jadi hero kepada masyarakat india. Tidak bershukurkah masharakat india di malaysia ini. Cuba mereka fikir berapa miskin dan daifnya masyarakat india di negara india. Saya mereka ini tidak pandai berterimakasih. Dan sikap mereka yg membuat bangsa sendiri terpinggir. Berapa ramai Bangsa india yg kaya menggukan wangringgit mereka untuk membantu bangsa sendiri. Saya rasa Manoharan patut ditahan di ISA kerana menggugat keamanan negara atau lucutkan Kewarganegaraannya. Kerana Mlaysia tidak memerlukan Bangsa seperti. Kalau rasa negara seperti eropah boleh memberi layanan yg bgus padanya dipersilakan keluar dari bumi Malaysia.

By Mork  on [October 22, 2009 9:22 AM](#)

salam Tun'

Wajah pemimpin yang dipaparkan yang digantung pada kebanyakan tiang-tiang lampu dalam bandar KL. Sebelum pilihanraya gambar IGP dan PM pak lah turut digantung saya hairan kenapa jadi bagini, apakah malaysia ini negara polis lantas saya memberitahu kawan SB supaya turunkan banting dua wajah tersebut. Alhamdulillah gambar banting dua wajah tersebut tidak lagi kelihatan. Saya berpendapat ini adalah percaturan broker yang membuat tempahan banting tersebut mereka tidak hiraukan kesan sebaliknya. Lagi satu YBG. Tun sebelum perayaan menyambut merdeka kita lihat bendera malaysia banyak digantung merata ceruk dalam bandar KL, pernahkah kita halusi bendera tersebut bulan dan bintangnya kebawah tidak sama seperti bendera asal saya harap bahagian penguatkuasa perlu memberi penerangan tepat supaya bendera kita tidak diubah sesuka hati. Pada hemat saya Pak lah adalah Perdana Menteri yang hipokrit besar tapi bermuka tebal kulit babi

By pj1  on [October 21, 2009 9:26 AM](#)

Salam hormat YAB Tun berdua

1. Rasanya benar seperti pendapat beberapa blogger di ruang Tun, DSN masih menggunakan pendekatan 'gula-gula' dan meraih simpati rakyat.
2. Cara ini nampaknya ketinggalan kerana banyak lagi cara lain yang lebih terkini dan kontemporari boleh digunakan. Rakyat memberi kemenangan di Bagan Pinang kerana mereka nampak yakin dengan pentadbiran DSN.
3. Jangan disia-siakan kepercayaan ini. Bila dikatakan UMNO perlu berubah saya percaya taktik lama yang hanya menampakkan 'jelek' mata memandang dan telinga mendengar tidak lagi digunakan pakai.
4. DSN boleh berkongsi KPInya dengan rakyat supaya rakyat nampak kesungguhan bukannya pancing undi semata-mata. Bukanya semua, hanya pilih yang significant dan impact yang memberi kesan.
5. Saya melihat (setakat ini) hanya Tun yang mempunyai kekuatan memberi 'reasoning' yang mana kekuatan ini tidak ada pada pemimpin lain. Hanya dengan reasoning Tun semasa Tun menerajui dulu kami rakyat percaya kerana kami akur biarlah masalah negara dipikirkan oleh Tun untuk diselesaikan. Kami hanya menyelesaikan masalah kami sendiri dan menyokong usaha Tun memertabatkan bumi bertuah ini.
6. Jadi kepada DSN gunakan cara lain kerana UMNO masih mempunyai banyak kelebihan. DSN perlu mendengar arus perubahan yang datang bukan sahaja dari cawangan atau bahagian tetapi juga dari rakyat serendah-rendahnya.
7. Sebagai contoh, buang atau singkir musuh UMNO no. 1 seperti KJ dan mereka yang masih terlibat dengan penyalahgunaan kuasa dan wang kerana puak-puak inilah seperti kata pepatah

ibarat "gunting dalam lipatan".

8. Melayu perlu berubah kepada lebih positif wajib dimulakan oleh pemimpinnya. Kita tidak boleh menggunakan pendekatan mengambil hati atau menjaga hati orang lain sehingga akhirnya kita semua yang rosak binasa. Bukannya tidak elok mengambil dan menjaga hati orang tetapi biarlah kena pada tempatnya dan jangan kita pula yang menjadi mangsa sehingga musuh boleh bertindak sewenang-wenangnya atas kelembutan (silap-silap boleh jadi kelembikan) kita.

Mudah-mudahan UMNO akan kelihatan komited untuk terus memimpin dan ternampak masih relevan.

Tun berdua jaga diri ya..

By [pj1](#) on [October 21, 2009 7:57 AM](#)

Salam hormat YAB Tun berdua

1. Rasanya benar seperti pendapat beberapa blogger di ruang Tun, DSN masih menggunakan pendekatan 'gula-gula' dan meraih simpati rakyat.
2. Cara ini nampaknya ketinggalan kerana banyak lagi cara lain yang lebih terkini dan kontemporari boleh digunakan. Rakyat memberi kemenangan di Bagan Pinang kerana mereka nampak yakin dengan pentadbiran DSN.
3. Jangan disia-siakan kepercayaan ini. Bila dikatakan UMNO perlu berubah saya percaya taktik lama yang hanya menampakkan 'jelek' mata memandang dan telinga mendengar tidak lagi digunakan pakai.
4. DSN boleh berkongsi KPInya dengan rakyat supaya rakyat nampak kesungguhan bukannya pancing undi semata-mata. Bukannya semua, hanya pilih yang significant dan impact yang memberi kesan.
5. Saya melihat (setakat ini) hanya Tun yang mempunyai kekuatan memberi 'reasoning' yang mana kekuatan ini tidak ada pada pemimpin lain. Hanya dengan reasoning Tun semasa Tun menerajui dulu kami rakyat percaya kerana kami akur biarlah masalah negara dipikirkan oleh Tun untuk diselesaikan. Kami hanya menyelesaikan masalah kami sendiri dan menyokong usaha Tun memertabatkan bumi bertuah ini.
6. Jadi kepada DSN gunakan cara lain kerana UMNO masih mempunyai banyak kelebihan. DSN perlu mendengar arus perubahan yang datang bukan sahaja dari cawangan atau bahagian tetapi juga dari rakyat serendah-rendahnya.
7. Sebagai contoh, buang atau singkir musuh UMNO no. 1 seperti KJ dan mereka yang masih terlibat dengan penyalahgunaan kuasa dan wang kerana puak-puak inilah seperti kata pepatah ibarat "gunting dalam lipatan".
8. Melayu perlu berubah kepada lebih positif wajib dimulakan oleh pemimpinnya. Kita tidak boleh menggunakan pendekatan mengambil hati atau menjaga hati orang lain sehingga akhirnya kita semua yang rosak binasa. Bukannya tidak elok mengambil dan menjaga hati orang tetapi biarlah kena pada tempatnya dan jangan kita pula yang menjadi mangsa sehingga musuh boleh bertindak sewenang-wenangnya atas kelembutan (silap-silap boleh jadi kelembikan) kita.

Mudah-mudahan UMNO akan kelihatan komited untuk terus memimpin dan ternampak masih relevan.

Tun berdua jaga diri ya..

By [rizman ibra](#) on [October 21, 2009 3:58 AM](#)

assalamualaikum dan salam sejahtera

diharapkan di masa hadapan tiada lagi sikap mengampu terlampau di kalangan ahli , apa ada pada gambar kalau ia sekadar menjadi cemuhan rakyat. negara takkan maju dengan kuantiti wajah wajah pemimpin, tapi sekiranya perlaksanaan itu seiring dgn kejujuran sampai bila pun akan dikenang oleh rakyat.

By [asrilamirul](#) on [October 20, 2009 10:44 AM](#)

Salam Tun,

Totally agree with you. Terlampau banyak sepanduk yang melibatkan wajah of so-called pemimpin as if the people need to be reminded on how they look. It's like the propaganda of Mao.

Now, even top government servant are picking up this trend by putting their faces on banners.

By [Zulkiflee Bin Arip](#) on [October 19, 2009 8:37 PM](#)

Assalamu'alaikum Tun,

saya dapati bayak komen-komen bernas yg tersiar mengenai topik ini disini. alangkah baik nya kalau ia boleh diambil sebagai maklumbalas oleh kerajaan. secara peribadi, saya agak pesimis dgn DSN yg hanya syiok sendiri dalam agenda Pembaharuan nya. dia hanya pentingkan kedudukannya saja. nampak sangat dia kelangkabut merasuah rakyat untuk memancing undi. dah tak kira bangsa, tak kira ugama semua nya dia satukan dalam dasar satu malaysia nya. amat menjijikkan. padahal yg perlu dia lakukan untuk menang PRU 13 adalah **MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKKAN UNDANG-UNDANG SEDIA ADA. ERTI NYA PASTIKAN UNDANG-UNDANG NEGARA BERFUNGSI.** tak perlu agih gula-gula.

sebagai pemimpin, DSN sepatut nya mengambil langkah tegas mendidik rakyat agar berbakti kpd negara, bukan memanjakan rakyat untuk memancing undi. konsep begini hanya akan melemahkan dan memiskinkan negara. lihat contoh s'pura. saya anggap LKY itu walaupun hati nya kafir sekafir-kafir nya tapi otak nya Islam. dia tahu rasuah boleh menghancurkan negara, maka dia jadikan rasuah musuh utama nya. menjadi undang-undang tak bertulis bagi pemimpin-pemimpin PAP dan Pemerintah nya untuk;

1) pakai kemeja putih ketika bekerja.

2) memandu kereta sendiri, satu atau dua pengawal bersenjata duduk dlm kereta yg sama tanpa ada konvoi pengiring atau siren.

3) larangan beristeri lebih dari satu atau ada wanita simpanan.

dgn dasar begini, LKY berjaya menerap etika kerja yg baik, berdisiplin tinggi, hormat pada undang-undang dan tidak berfoya-foya, lalu tidak perlu kpd wang rasuah. sebab itu dia berani mengatakan " apabila pemimpin-pemimpin ASEAN bersidang dan isteri-isteri kami berkumpul, maka isteri-isteri pemimpin s'pura lah yg paling miskin padahal gaji para pemimpin s'pura adalah yg tertinggi di dunia".

By [sitinur](#) on [October 19, 2009 6:28 PM](#)

Asalamualaikum....perasaan saya sama mcm truthseeker..saya tunggu najib cakap serupa bikin.....la ni apa yg saya rasa najib hanya cuba meraih sokongan jer.....sokongan akan datang bila terbukti najib cakap serupa bikin.....jgn sampai 10 perkataan 15 org tak percaya.....khairi kalau 10 dia cakap 100 saya tak percaya.....

terimakasih bapak kerana membawa kemajuan kemakmuran ketenangan keamanan kepada kami rakyat m'sia...terimakasih atas segalanya...  
semuga Allah sentiasa memberkati bapak...aminaminamin....

By abenaz  on [October 19, 2009 3:31 PM](#)

Salam Tun,

Memetik tajuk utusan malaysia hari ini "Dr. Mahathir Kecewa Rakyat Terlebih Gemuk"

Saya hanya ingin mencadangkan kepada YAB Tun untuk berkongsi tentang petua-petua Tun dalam menjaga kesihatan di dalam blog ini. Saya percaya ramai rakyat Malaysia di luar sana yang berminat untuk mengetahui "rahsia" Tun untuk kekal sihat dan cergas dalam usia emas.

Semua sedia maklum, petua menjaga kesihatan bukan lagi menjadi satu rahsia kerana sudah ada beribu-ribu artikel tentangnya boleh kita dapati. Namun, rahsia dan petua dari Tun adalah sesuatu yang berbeza kerana Tun adalah inspirasi kepada segenap lapisan Masyarakat di Malaysia =)

Sekian.

By Roslee  on [October 19, 2009 12:00 PM](#)

Salam YBhg. Tun.

Betul Tun kata.

orang Melayu kata "BERMUKA-MUKA" gantung gambar macam-macam MUKA ada. Tapi tak buat kerja. Bila rakyat dah bosan, pilihanraya, PADAN MUKA. Malu tak berkata TUTUP MUKA.

Roslee

By Abadi  on [October 19, 2009 11:00 AM](#)

Yang Terhormat Ayahanda Tun M, semoga dalam keadaan sihat walafiat, diberkati Allah dan di panjangkan usia.

Saya amat bersetuju supaya wajah-wajah pemimpin ini di kurangkan di billboard apatah lagi wajah-wajah isteri-isteri pemimpin. Adalah lebih berkat jika peruntukan wang tersebut di wajahkan dalam bentuk beberapa contoh seperti ini:

1. Wajah kemiskinan - supaya pemimpin dan rakyat perlu tahu ada golongan yang perlu di bantu.
2. Wajah pembangunan - pemimpin dan rakyat perlu tahu ada pembangunan infra dan sebagainya yang perlu di bangunkan.

3. Wajah perpaduan - menyedarkan rakyat bahawa Malaysia negara tercinta melalui keharmonian dan kesejahteraan.

4. Wajah keamanan - supaya yang melihat insaf betapa keamanan itu penting daripada peperangan.

Terkadang terdapat banyak wajah-wajah pemimpin dalam bentuk CD dan majalah koporat. Si pencipta CD dan pengarang majalah seharusnya mengurangi wajah-wajah pemimpin. Terkadang pengarang ini terbawa-bawa dengan perasaan ingin "menjaga hati" pemimpin yang tertentu daripada bahan yang sebenarnya yang di tonjolkan.

Kejayaan akan bercakap dengan sendirinya bukannya wajah-wajah pemimpin yang hendak di bicarakan. Meskipun di media cetak, wajah-wajah isteri-isteri pemimpin hendaklah di kurangkan.

Kita terlupa. "Pemimpin dilantik untuk memimpin kearah yang benar"

By [suratkhabarlama](#) on [October 19, 2009 10:45 AM](#)

Assalamualikum Yang Amat Berbahagia Tun, semoga sehat selalu, insyallah. Izinkan saya mencadangkan bahawa kerajaan hendaklah mempamerkan Poster di papan Iklan terbesar di Jalan Raya (highway) atau tempat tempat tumpuan orang ramai menunjuk kan rakyat berbilang bangsa menjulang tinggi angka 1 Malays dengan backdrop bendera Malaysia dan di ikuti dengan prinsip2 RUKUN NEGARA. Saya harap PM membaca cadangan ini. Sekian terima kasih wasalamualikum,

By NHA on [October 18, 2009 9:44 PM](#)

4. Saya harap amalan seperti ini tidak diadakan lagi. Jauh daripada mereka yang menaikkan gambar mereka menjadi popular, rakyat sebenarnya jelak dan bosan melihat sepanduk-sepanduk ini mencemarkan kecantikan alam.

Mencemarkan kecantikan alam? Haha sinisnya, tun!

Semoga Tun & keluarga sihat selalu..

By [cermai](#) on [October 18, 2009 8:13 PM](#)

Assalamualaikum Tun,  
Sama macam di Perlis la jugak, gambaq Shahidan merata tempat yang syok tu gambaq dia dok sekali dengan senarai Perdana Menteri Malaysia Kah kah kah

By newgen on [October 18, 2009 7:45 PM](#)

salam Tun,  
THANK YOU.THANK YOU. THANK YOU.

and may ALLAH bless you.

By notoumno on [October 18, 2009 12:18 PM](#)

sifat pemimpin umno memang macam tu.

hipokrit..masa pilihanraya sibuk berbasikal dan berjalan kaki meredah kampung..berjiwa rakyat konon..sesudah pilihanraya bereskot kesana kesini..semua rakyat kena halau ketepi untuk beri laluan..urusan resmi konon..

lupa diri..signboard projek akan dipampang dengan tulisan "JASA KEPADA RAKYAT"..sedangkan ia sepatutnya ditulis "TANGGUNGJAWAB KEPADA RAKYAT"..sebelum pilihanraya merayu minta undi..selepas pilihanraya sombong pula suruh rakyat bersyukur dengan itu ini..

parti projek untuk orang gila projek buat projek..

By truthseeker  on [October 18, 2009 2:48 AM](#)

Salam Tun and fellow bloggers,

1. I fully agree that the rakyat are getting fed-up and sick of all these nonsenses,
2. Dont blame the contractors or others, dollah the idiot started it and all the ministers just take advantage of it. Remember that poster - picture of dollah and sharizat...MASYARAKAT BERMARUAH BERMULA DENGANMU...as if sharizat was refering to dollah as the initiator of masyarakat bermaruah...imagine, as though during Tun's era there was no maruah. And that same idiot dollah was the king of those without maruah.
3. So, the bottom line is, those ministers or anybody not fit to have their faces up there are people without maruah. Rakyat are sick of looking at your faces.
4. Tun, I would like to share something;
  - a. its proven and clear that you didnt take advantage of your 22 years as PM to do such immoral and wasting rakyat's monies - like popularizing yourself thru such methods. You're very intelligent, you know how to popularize yourself if you want to, but you didnt want and didnt need to. Dollah wants to be popular by making all sorts of actions, including promising najib he will not criticise najib (even though if najib's wrong?)..cos dollah needs to be in najib's good book, or maybe afraid that by provoking najib, najib will retaliate by opening dollah's can of worms!
  - b. during your time, you worked for the rakyat, you put priorities for rakyat...so those who couldnt take it left the cabinet like musa black, and others. Those without balls hanged on, pretended like they were with you, but when you left, these dogs started barking at you; sami, nazri and others.
  - c. during your time I was willing to risk myself by defending all your actions, ideas, plans, visions, policies...I was so committed in persuading others to follow your leadership. But when dollah came in, initially I was supporting his decisions till I found that this idiot not only bodoh but sombong. During his time, I totally withdrew myself from all his actions...no more supporting the govt and umno. Until today, even though najib is the

PM, I still cannot and will not commit myself full-heartedly until I see najib take action against dollah for all his wrongdoings. Can you imagine, 200 odd billion ringgit he took from petronas within 6 years and yet najib kept quiet, opposition kept quiet too...my god.. d. look at the perhimpunan umno recently, no one touched on dollah's legacies - destroying umno and betraying the malays.

Thank you Tun for highlighting this issue.

By lanpjy  on [October 18, 2009 1:17 AM](#)

Happy Dewali ...

slam Tun.

Sejak menteri pelancungan tu kalah dalam penghimpunan Umno dan di tendang keluar dari tourism Malaysia.. gambar2 beliau dah diturunkan dari billboards kan.

Teringat saya semasa by election Parlimen Kuala Terengganu.. beliau dengan bangga menamakan kawasan anak angkat Bn yang beliau diamanahkan di Kuala Terengganu dinamakan "Rumah A\_\_\_\_\_na" padahal kawasan lain yang dijaga oleh BN dinamakan mengikut nama bahagian UMNO malah balachi2 beliau 'awek2 cun' memakai jeket gambar dan nama beliau.

Bukan nak kutuk beliau or balachi beliau.. dalam soal ini orang2 umno terlalu senang lupa diri dan seolah2 nak stand out from others.

saya banyak juga melawat negeri2 lain di malaysia perkara poster ni dah kurang sekarang kecuali negeri yang MB nya tak pakai proton perdana tapi pakai mercedeH. Pergilsh ke negeri tu .. tengoklah kat sempadan negeri dah ada billboard bersama DSNR..

agak2 berapa ratus ribu ringgit billboard tu ye? tapi mungkin tak semahal yang menteri pelancungan tu ye...

By suluh pelita  on [October 18, 2009 12:48 AM](#)

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

1) Saya bersetuju dengan pendapat Tun mengenai gambar wajah-wajah orang tertentu di papan-papan jalan.

2) Cuma saya TIDAK BERSETUJU jika blog Tun ni dijadikan seperti warong kopi di mana terdapat orang melepaskan geram, kata mengata terhadap orang tertentu (walaupun betul) dan seumpamanya.

3) Sehingga ke hari ini, saya masih memerhati dan mengambil intipati PANDANGAN-PANDANGAN Tun sahaja. Walaupun di masa, terdapat komen Tun terhadap orang tertentu. Itu saya "TUTUPKAN MATA" sahaja. Kerana kita semua tahu yang SEMUA manusia melakukan kesalahan.

4) Saya berharap ruangan ini hanya dijadikan tempat menyalurkan idea dan pandangan Tun yang bernas sahaja.

5) Saya mohon maaf kepada Tun dan Blogger lain jika nasihat saya ini menyinggung perasaan Tun dan Blogger lain.

6) "Nasihat-menasihati pada (menegakkan)kebenaran..." Surah Al'Asr.

By FAUDZI  on [October 17, 2009 11:46 PM](#)

Salam TUN dan semua

Sbb gambar banyak terpampang la maka Pak Lah sekarang dapat ijazah doktorat dari merata universiti di malaysia ni. Saya tak tahu lah apa nak jadi dengan negara kita ni. Kita suka memberi penganugerahan tidak mengikut kebolehan atau jasa tetapi ikut suka suka. Beberapa contoh :

1. Penanugerahan ijazah kehormat kedoktoran kepada Pal Lah oleh universiti tertentu. Apa kah beliau betul betul layak untuk dianugerah sedemikian rupa? apakah jasa beliau? seingat saya beliau la perosak kepada UMNO dan BN bersama menanntu nya.

2. Isteri beliau yg baru Jean Abdullah dianugerah TUN. Apakah jasa beliau atau adakah kerana beliau adalah isteri kepada Psk Lah baru beberapa tahun. Cukuplah setakat mendapat gelaran Toh Puan.

daripada keadaan ini maka ramai berlumba membeli pangkat dan gelaran dan akhirnya semuanya tiada nilai.

malaysia memang pelik. Indonesia lagi bagus dalam soal ini, semua orang di panggil Pak tak kira apa pun kedudukan mereka.

By irasyd  on [October 17, 2009 10:57 PM](#)

Assalamualaikum,

Ybhg Tun dan para pengunjung blog chedet.Terima kasih kerana Tun sentiasa mengetengahkan topik yang relevan dengan keadaan semasa.Tun,saya berpendapat gambar-gambar itu di turunkan kerana Ybhg Tun Pak Lah tidak lagi berkuasa.Biasalah lumrah manusia apabila dah berkuasa yang di sanjung seperti dulu.Walau apapun saya bersetuju dengan Tun menaikan gambar-gambar ini hendaklah di hentikan kalau pun mahu kurangkanlah kerana ia membajirkan wang negara sahaja walaupun mungkin ada yang kena sponsar atau sengaja di letakan oleh yang berniat udang di sebalik batu.

Apa pandangan Tun tentang pendapat saya cukai yang kerajaan kutip adalah bukan wang pembayar cukai atau wang rakyat tetapi ia adalah wang negeri.Penggunaan istilah wang pembayar cukai atau wang rakyat untuk merujuk kepada wang kerajaan gunakan untuk mengurus dan membangun negara harus di hentikan dan di haramkan.Semua orang kena bagai cukai sama ada secara langsung atau tidak langsung.Cukai yang di kutip adalag obligasi bagi semua yang mengadakan pendapatan di negara ini,cukai yang di kutip itu dah jadi Wang Negara dan milik semua:manusia(rakyat dan pembayar cukai),binatang,bumi negara ini,tumbuh-tumbuhan dan sebagainya,sebab itu ia kena di urus dengan baik oleh mereka yang berkuasa.

wassalam.

By mgpunya  on [October 17, 2009 8:04 AM](#)

YABhg Tun,

...dahulu saya ada pernah " tahan " YABhg Tun untuk ambil gambar bersama dengan Tun semasa Perhimpunan Agong UMNO, tetapi Tok Mat tak bagi...last..last terpaksa ambil gambar beramai - ramai. Begitu " strict " sekali pada masa itu.

By Alan  on [October 17, 2009 5:31 AM](#)

Its sad tht in Malaysia, individualism is not taught to the public but more of pack mentality. Individual achievement is sweeter!!

By Alan  on [October 17, 2009 5:26 AM](#)

The hanging of pictures is a derivatives from the British colonisation. We shld move on, improve and be creative too. Stop hanging to the past action and advance.

By Lee Jamal  on [October 16, 2009 11:23 PM](#)

Saya bersetuju dengan pandangan Tun. Banyak sekali kepicangan yang berlaku dalam urusan pentadbiran negara sekarang ini. Misalnya:

1. Menteri yang menggunakan kuasa untuk mendapat duit dari urusan/projek kerajaan.
2. Projek kerajaan seperti Rumah Mesra Rakyat telah diputar belit oleh pemaju perumahan yang melaksanakan projek tersebut. Peruntukan disalurkan sebanyak RM60 ribu untuk membina rumah, tetapi rumah semakin kecil berbanding kos RM40 ribu bagi rumah tersebut pada fasa pertama.
3. Projek-projek gajah putih yang dilaksanakan akan tetapi akhirnya hanya tinggal pada namanya sahaja, tetapi projek terbengkalai atau tidak diteruskan/dilaksanakan setelah siap projek.

Ini hanyalah sebilangan kecil dari penyalahgunaan kuasa yang telah dilakukan oleh para Menteri. Diharapkan Tun dapat memanjangkan isu ini kepada pihak yang bertanggungjawab. Terima kasih.

Ini hanya sebilangan kecil dari pelbagai lagi penyalahgunaan kuasa yang dilakukan oleh para Menteri. Diharapkan Tun dapat memanjangkan

By irasyd  on [October 16, 2009 10:45 PM](#)

Assalamualaikum!

Tun yang di hormati dan di ingati.Semoga sentiasa sihat selalu.Teguran Tun kali ini memang bertepatan sekali. Walaupun ada juga kebanyakannya memaparkan gambaran pemimpin ini,bah kata tak kenal maka tak cinta,tetapi jangan keterlaluan muak jadinya nanti.Lagi pun melibatkan kos, dan membajir wang rakyat,sesetengah orang kata wang pembayar cukai.Nampaknya terungkit pula saya perkataan yang paling saya tidak suka dengar ia itu wang rakyat atau wang pembayar cukai, oleh kerana sudah terungkit maka saya ingin sentuh sedikit istilah wang rakyat atau wang pembayar cukai ini.

Saya berpendapat wang rakyat atau wang pembayar cukai yang di gunakan untuk merujuk cukai yang di kutip oleh kerajaan tidak bertepatan dan perlu di ubah. Dalam parlimen pula biasa di gunakan wang pembayar cukai. Apakah betul ia adalah wang pembayar cukai. Cukai yang di bayar kepada kerajaan adalah pendapatan negara bukan wang pembayar cukai. Bayar cukai adalah obligasi yang perlu di lunaskan oleh tiap-tiap orang yang mengutip pendapatan di negara ini. Semua rakyat dan apa yang ada di bumi Malaysia ini menyumbang kepada pembayaran cukai. Contoh nelayan tangkap ikan dan di jual kepada orang tengah itu yang kemudiannya membayar cukai hasil dari pendapatan menjual ikan. Apakah penjual ikan itu sahaja bayar cukai, tidak bukan dia sahaja nelayan, ikan yang di jual juga menyumbang kepada penjual ikan untuk membayar cukai. Ini bermakna semua rakyat negara ini termasuk apa yang ada di bumi negara ini membayar dan menyumbang kepada pembayaran cukai yang kemudiannya jadi pendapatan negara. Maksudnya wang yang kerajaan kutip sama ada melalui cukai atau lain-lain adalah milik semua makhluk bernyawa atau tidak bernyawa di bumi kita yang tercinta ini. Kerajaan gunakan wang ini bukan sahaja untuk bantu rakyat tetap, menjaga kesejatan alamnya, jalanraya dicantikan dan macam-macam kerana semua berhak untuk menikmati hasil pendapatan yang di usahakan oleh kerajaan. Jadi saya cadangkan istilah wang rakyat atau wang pembayar cukai terutamanya di haramkan penggunaannya dan ia di ganti dengan istilah wang negara atau kalau ada yang lebih sesuai daripada itu. Saya amat sedih sebenarnya jika ada pemimpin yang gunakan istilah wang pembayar cukai apa bila ada sesuatu yang di bangunkan untuk orang-orang miskin kononya membajir wang pembayar cukai, sedangkan semuapun termasuk orang-orang miskin menyumbangkan kepada pembayaran cukai, nelayan, penoreh getah dan lain-lain juga membayar cukai dari sudut menyumbang untuk membolehkan orang lain dapat pendapatan yang besar.

Saya harap akan ada wakil-wakil rakyat membangkitkan ini di perlimen, hapaskan atau haramkan penggunaan istilah wang rakyat atau wang pembayar cukai terutamanya untuk merujuk kepada wang kerajaan. Gunakan istilah WANG NEGARA ia milik semua apa yang ada di Malaysia ini: manusia, binatang, bumi, air, tanah dan sebagainya.

Yang berbahagia Tun, terima kasih banyak-banyak kerana telah meletakkan Malaysia di kedudukannya sekarang, dan berharap DSN-PM akan meneruskan perjuangan Tun untuk membangunkan negara ini di samping meneruskan apa yang baik yang telah di tinggalkan oleh Ybh Tun Paklah. Kalau di zaman Tun Pak lah banyak gambar2, saya rasa itu bukan kehendak Tun Paklah, kita harap di DSN-PM sekarang kurangkan gambar2, jimat juga Wang Negara.

Wassalam. Semoga Allah melindungi kita semua.

By [Zulfadzli](#) on [October 16, 2009 10:36 PM](#)

Assalamualaikum Tun,

PESANAN UNTUK KJ

Petang tadi berakhirnya Persidangan UMNO dan saya mengikuti ucapan najib. Tertarik apabila beliau mengulas bahawa sebelum ini mereka yang bertanding mampu mengenali 2500 perwakilan malahan tahu nombor telefon mereka. Camera terus memfokus kepada KJ dan KJ sedang memandang kebawah...

Saya tidak tahu nasibnya selepas ini. PRU 12 BN mendapat tamparan hebat iaitu sewaktu di bawah pimpinan Pak Lah. Faktor utama, rata2 saya temui mengundi pembangkang disebabkan mereka benci kepada KJ. Bukan Pak Lah. Umum mengetahui teruknya KJ ini.

Sepertimana ulasan datuk Sri Najib petang tadi, beliau memohon dan merayu kepada pemimpin untuk berkorban. Berkorban atas nama perjuangan. Nah, khusus utk KJ, tolonglah fahami mesej yang disampaikan. Anda tidak mendapat pencalonan tertinggi semasa bertanding Ketua Pemuda diperingkat bahagian tetapi di waktu pemilihan pusat anda boleh menang. Ini yang rakyat nampak. Ini yang buat rakyat benci sebab ianya terlalu terang.

Berkorban lah KJ. Seandainya anda mempercayai bahawa kewujudan anda akan menumbangkan UMNO, adakah anda sanggup berkorban untuk memastikan UMNO terus mendapat sokongan? Sekiranya anda mengundurkan diri, barulah anda akan mendapat pujian dari kalangan rakyat. Percayalah. Anda masih muda dan masa depan anda cerah.

Reputasi Pak lah hancur disebabkan oleh anda. Dengarlah pandangan akar umbi. Muhasabahlah. ya, anda kini mengurangkan publisiti kerana anda sedar bahawa rakyat membenci anda. tetapi itu tidak mencukupi. Apa yang perlu ialah anda perlu mengundurkan diri seketika secara total. Berjuang dengan cara senyap sebagai penyokong yang tidak bernama.

Gunakanlah kekayaan anda untuk berzakat. bantulah golongan miskin dengan kekayaan anda secara senyap. Jangan ada publisiti seperti Datuk K. Nak menderma kena ada wartawan. Anda kaya kerana Tuhan menjadikan anda kaya. Gunakanlah kekayaan itu untuk mereka yang memerlukannya. Fikirkanlah. kekayaan anda tidak dapat dibawa mati.

Saya sayangkan anda KJ. Janganlah anda ingat rakyat membenci anda. Tidak sama sekali. Anda pemimpin yang hebat. Tetapi belum lagi cukup hebat untuk memimpin negara buat masa sekarang. Bersabarlah. Siapkan diri anda dengan kasih sayang. Tunjukkan pada rakyat betapa anda berjuang dalam diam. Tunjukkan nilai seorang pejuang Melayu yang sejati. Lepas 10 tahun, anda akan diterima dan jadi PM. Insyallah.

ikhlas,

<http://reformasimindaguru.blogspot.com>

By [rosdanteh](#) on [October 16, 2009 9:01 PM](#)

Tun,

PAS telah melakukan perkara ini berzaman-zaman lamanya. dan tiada orang pun yang komplek.

Lihatlah spanduk2 mereka.

Ia mesti ada wajah Nik Aziz atau Abdul Hadi.

Mungkin mereka meniru budaya Arab.

Gambar Saddam Hussin berada diseantero Iraq.

Begitu juga Khomeini dan pemimpin negara2 arab.

Islam kah itu?.

By hajime  on [October 16, 2009 6:31 PM](#)

assalamualaikum dan salam sejahtera buat tun berdua serta pembaca, penulis, penonton chedet.cc...

saya setuju dengan pendapat tun.. tak payahlah nak tunjuk muka-muka yang bermuka-muka tu..

masa kita berkuasa, semua orang dekat, semua orang sayang, bila kita dah tak ada kuasa, semua pergi, kawan pun jd lawan..

bukan apa, nak projek, kontrak, ejas masuk keje, asrama penuh, itu ini.. biasalah..kita kan orang besar masa tu.. kroni-kroni dan nepotisme berleluasa.. tapi bila kita dh tak ada kuasa.. tata titi tutu.. saya rasa semua bersetuju dgn saya..

bukti? tak payahlah.. sebab dah jelas nyata.. SPRM (dulu BPR) pun tak berani nak lawan.. hehehe..

nak tak nak, rasuah mesti ada.. kalau tak 'hulur2', tak kenal YB2, sori la..tu sebabnya projek hanya dpt kat org yg sama je.. temder2 tu sekadar nak rekod je.. padahal dah tau sape dpt..

tu je nak cakap..

sekian..

P/S: DENGAR CERITA, ADA PETUGAS DIARAH BERI WANG KPD PENGUNDI SUPAYA PANGKAH 'EHEM2'.. TAPI KALAU LAPOR PUN TAK GUNA SEBAB SPRM MESTI TAK CAYA..

By anakbudu3  on [October 16, 2009 6:28 PM](#)

Asalamualaikum Ayahnda n Bonda,

Izinkan anaknda enterframe skali lagi!

nak habaq setuju sangatla dgn OrangLama, betui! betui! betui!

lebih baik bubuh gambar budak2 bermain bersama tanpa mengira bangsa & agama kerana itulah Malaysia kita. Bubuhla gambar pelajar2 kita yg sama2 belajar, bermain, bersukan dan bergotong-royong kerana itulah kita sebenarnya.

Yang dok bertelagah, mengata mung aku ialah ahli2 politik tiga suku. Kita rakyat, anak2 kecil selalu berbaik antara satu sama lain. Dalam kerja buat hari2 pun, terutamanya sebagai cikgu, kita tidak pilih bulu, semua pelajar kita kita didik bersama2 sebab kita ada matlamat jangka panjang...melahirkan pelajar serba boleh, berketrampilan & mampu berfikiran jauh..sepertimana dlm falsafah pendidikan yg kita pegang. tapi semua hasrat murni ini akan jadi abu bakar arang kalau ikut gelagat ahli2 politik setengah tiang.

Sekian. Dari orang lama kpd OrangLama & semua pengikut blog Tun yg dihormati...

Semoga diberkati Allah jua Ayahnda Tun N Bonda..

Wassalam.

just my brain wave...

By [anakbudu3](#) on [October 16, 2009 6:16 PM](#)

Assalamualaikum Ayahnda Tun n Bonda Toh Puan,

Salam rindu, seketika rasa sebak kerana terkenang pelajar saya yg kemalangan lima bulan dulu, hilang keupayaan berfikir & tak mungkin dapat menduduki spm tahun ni...

Dah lama tak mencatat di sini. Sibuk dgn periksa kertas percubaan & program pasca percubaan spm yg akan berterusan hingga spm nanti. Hari ni cuti sampai ahad ni, bolehla ambik kesempatan sat.

nak cakap pasal ahli2 politik bn ka, pr ka, yg hebat melobi diri hinggakan rakyat terasa masing2 seperti artis2 popular yg ingin meraih lebih perhatian dari peminat2 sebelum tarikh akhir pencalonan artis popular dalam pesta2 yg diadakan saban tahun.

dulu2 org politik tulen akan turun sendiri ke ceruk2 kampung bercakap secara terus dgn orangramai, miskin kaya, kecil besar tua muda. lama kelamaan, teknologi digunakan untuk 'berhubung' dgn orangramai. radio, televisyen hinggalah ke zaman sekarang telefon tangan yg canggih & internet jadi sandaran. bila teknologi lebih diutamakan sebagai alat perhubungan & banyak disalahgunakan, timbullah ahli politik plastik, plastik seplastik plastiknya!!!

kalau dulu ahli2 politik dirakamkan dlm gambar hitam putih dengan cara terhormat, bermesra dgn rakyat dgn ikhlas utk memajukan kawasan masing2 & membantu rakyat miskin hinggalah sebahagian dari penyokong mereka ini berjaya dlm bidang pelajaran & mampu pula bekerja, berjaya menaikkan taraf hidup diri & keluarga. ada pula yg berjaya menjadi ahli masyarakat yg baik hingga nama menjadi harum & dikenang ke akhir hayat. jasa yg ditinggalkan pula tak terhitung & mampu menjadi idola kpd orang muda.

tetapi sebaliknya ada pula yg kurang baik asas hidupnya, kurang luhur budi & pemikiran yg hingga setelah matipun, ada saja keburukan dicanang orang...ditambah pula dgn penggunaan teknologi moden, gambar2 warna warni boleh dicetak & diubahsuai sesukahati, hinggakan yg tiada, yg palsu boleh diada2kan.

dari sini timbullah satu budaya songsang yg amat menakutkan kerana ramai yg membelakang ajaran agama yg murni yg melarang kita mengaibkan sesiapa, hatta seorang pelacur sekalipun, kerana sememangnya tiada sesiapapun yg tahu nasib seseorang itu, waima nasib kita sendiri ke mana kita selepas mati nanti. kebanyakannya mengambil kesempatan menggunakan kecanggihan teknologi untuk mendajalkan ahli2 politik yg mereka tidak suka dan mempermainkan sesiapa sahaja yg tidak digemari tanpa menyedari natijahnya di kemudian hari.

jika dulu bila org2 bn menaikkan sepanduk/banner2 yg memaparkan wajah2 pemimpin besar & kecil sempena acara2 yg akan dibuat di mana2, pembangkang & penyokong mereka sangat marah & benci hingga ada yg merosakkan sepanduk/banner2 itu. pembangkang & penyokong mereka juga marah bila org2 bn memberikan bantuan itu & ini bila pemimpin2 bn ini turun melawat ke kampung2 dan menganggap pemberian, sedekah atau hadiah2 itu sebagai rasuah.

inilah dilema yg pemimpin politik bn tanggung sekian lama. bila tidak turun padang & memberi sebarang benda, hadiah, sedekah atau projek, pemimpin2 ini akan dianggap tidak prihatin, sombong, bongkak & tak tahu buat kerja. bila mereka datang berjumpa org kampung memberi projek atau sedekahkan itu ini, pembangkang akan kata pilihanraya dah nak dekat & pemimpin2 bn nak bagi rasuah ka rakyat pulak.

kini kita dapat lihat di mana2 saja, apa yg pembangkang katakan kpd pemimpin2 bn dulu berlaku kpd mereka sendiri, bahkan lebih hebat dari apa yg mereka cuba menentang selama ini. mengata dulang... Papan2 tanda, banner yg memaparkan wajah mereka ada di mana2. ada saja slogan dan kata2 berupa perancangan semata2 yg mereka letakkan di papan2 tanda & banner2 di kawasan masing2 yg strategik. ada yg sesetengahnya tak masuk dek akal kerana perkara2 yg dipamerkan tidak diikuti dgn pelaksanaan yg betul..hanya sekadar pameran... sbagai contoh di kelantan, segala papan tanda yg mempamerkan koridor itu koridor ini tetapi 'no materials delivered'!

saya tidak minat kpd apa saja bentuk publisiti politik atas billboard, baik dari pihak kerajaan mahupun pembangkang. jika betul2 ikhlas nak berkhidmat, jgn hanya war2kan atas papan tanda tetapi lakukanlah dgn masuk ke kampung2 secara terus, berjumpa dgn rakyat tanpa mengira waktu atau tanpa perlu ada acara besar2an. cukuplah kalau pergi menziarahi org yg uzur, kematian, kenduri kecil besar, majlis2 keyukuran, kerja2 gotong-royong TANPA PERLU MEMBAWA KREW TV ATAU ROMBONGAN AHLI POLITIK RAMAI2. BUAT MENYEMAK SAJA...lawatan perbadi pemimpin lebih menyentuh nurani org kampung yg rata2 mudah pemikiran mereka. kamu datang secara peribadi, kami sambut dgn rendah hati...tambat hati mereka dgn keikhlasan. bukannya dgn mewar2kan segala kegiatan di media hinggakan kadang2 menjatuhkan maruah mereka yg dilawati pulak...

ada pemimpin2 tempatan, baik bn mahupun pas yg kerap melakukan lawatan peribadi. adun & mp yg baik akan dikatakan baik jua. namun saya agak terkilan kerana ada adun & mp yg selama ini saya rasa sgt ikhlas, telah melakukan satu perkara yg tak patut dibuat hingga mematahkan rasa hormat saya & rakan2 atas pagar selama ini.

ada pemimpin2 politik yg meletakkan gambar wajah mereka atas bekas kurma utk disedekahkan semasa puasa Ramadhan baru2 ini membuatkan saya terkilan & tidak tertelan kurma2 tersebut... selama ini saya terima pemberian jika hanya diberitahu 'Terimalah sedekah ini' tanpa mengetahui siapa yg memberi & kita berterima kasih atas badan tuan yg memberi & juga bersyukur kpd Allah SWT mendapat kurma yg amat disunatkan semasa Ramadhan. itulah IKHLAS namanya bila kita tidak tahu yg memberi. tidak timbul soal nak tahu siapa yg bersedekah kerana lumrah di bulan puasa. tetapi bila terpampang gambar ahli politik ini suami & isteri, jawatan politik dan kawasannya, tekak jadi bengkok...

Wajib diingat oleh kita semua, setiap apa yg dilakukan menjadi tanggungjawab diri sendiri di aknirat nanti. tidak ada sesiapapun dapat melepaskan diri kerana yg memberikan keterangan nanti bukanlah peguam yg kita lantik atau penasihat peribadi atau kawan rapat tetapi setiap anggota badan kita yg akan menceritakan semua perbuatan & pemikiran kita BAIK & BURUK secara terperinci...JIKA KITA MUSLIM SEJATI YG PERCAYA KPD HIDUP SELEPAS MATI, PERCAYA KPD QADHA & QADAR, ini adalah sesuatu yg pasti berlaku kpd kita semua, tiada yg terkecuali.

Sekian saja Ayahnda n Bonda pandangan anaknda kali ni...maaf jika ada terkasar, tersasar...

Semoga Ayahnda n Bonda diberkati Allah SWT selalu hendaknya... Insyallah dengan doa dari jutaan peminat terutamanya mereka yg selalu mengenang jasa...

Selamat menyambut Deepavali kepada yg berkenaan.

Wassalam.

just my brain wave...

By media mogul  on [October 16, 2009 5:59 PM](#)

Saya akan saman Abdullah badawi di hadapan mahkamah Allah nanti kerana membawa Malaysia mundur dan menjadikan umat Islam semakin lemah.

By [pakbelalang](#)  on [October 16, 2009 3:49 PM](#)

Saya ingin cadangkan kepada pimpinan tinggi UMNO supaya menasihati Tuanku-Tuanku Sultan supaya jangan anugerah pangkat Datuk kepada pemimpin UMNO yang memegang jawatan Ketua-Ketua Bahagian dan lain-lain jawatan tinggi UMNO. Iktirafilah mereka selepas mereka didapati telah berkhidmat dengan cemerlang kepada rakyat apabila mereka bersara atau berundur dari politik kelak.

Ini adalah untuk mencegah mereka bersikap sombong dan riak hinggakan menjejaskan image parti UMNO dan akhirnya rakyat merasa tersisih dan meluat dengan pemimpin mereka.

By zack  on [October 16, 2009 11:58 AM](#)

Salam Tun... semoga sihat selalu.. maaf mencelah walaupun tidak selari dengan topik, apa2 pun pasal pemimpin juga... setiap kali bertukar pemimpin maka bertukarlah slogan. Terkini "rakyat didahulukan pencapaian diutamakan" Inilah slogan paling tepat sepanjang pemerintahan UMNO.. apa saja yang terjadi dari dulu kini dan selamanya rakyatlah yg didahulukan. Naik harga bahanapi rakyat lah yang rasa dulu kesan2nya... Politik tak stabil..ekonomi tak stabil rakyat juga yang merana... Dan sekarang rakyat berpendapatan rendah memiliki kenderaan berusia 10 keatas, tertekan gara2 permainan sykt insurans.... macam2 perkara dah berlaku..kemudian "dipaksa" pula untuk membeli PA ikut kapasiti tempat duduk..

Boleh tak TUN tolong kami.. ketengahkan masalah ini dengan cadangan "tidak mewajibkan" memiliki insurans am pun masih boleh renew road tax... biar mereka (ejen insurans am) bekerja sebagai mana ejen insuran hayat bekerja untuk menyedarkan rakyat perihal pentingnya insurans... tapi bukan mandotory seperti sekarang, yg menjadikan sykt insurans am demand dan besar kepala...

Sekali maaf Tun... saya dah boring dan tatau kemana nak luahkan perasaan ini sebagai "rakyat yang didahulukan"

By zack  on [October 16, 2009 11:57 AM](#)

Salam Tun... semoga sihat selalu.. maaf mencelah walaupun tidak selari dengan topik, apa2 pun pasal pemimpin juga... setiap kali bertukar pemimpin maka bertukarlah slogan. Terkini "rakyat didahulukan pencapaian diutamakan" Inilah slogan paling tepat sepanjang pemerintahan UMNO.. apa saja yang terjadi dari dulu kini dan selamanya rakyatlah yg didahulukan. Naik

harga bahanapi rakyat lah yang rasa dulu kesan2nya... Politik tak stabil..ekonomi tak stabil rakyat juga yang merana... Dan sekarang rakyat berpendapatan rendah memiliki kenderaan berusia 10 keatas, tertekan gara2 permainan sykt insurans.... macam2 perkara dah berlaku..kemudian "dipaksa" pula untuk membeli PA ikut kapasiti tempat duduk..

Boleh tak TUN tolong kami.. ketengahkan masalah ini dengan cadangan "tidak mewajibkan" memiliki insurans am pun masih boleh renew road tax... biar mereka (ejen insurans am) bekerja sebagai mana ejen insuran hayat bekerja untuk menyedarkan rakyat perihal pentingnya insurans... tapi bukan mandotory seperti sekarang, yg menjadikan sykt insurans am demand dan besar kepala...

Sekali maaf Tun... saya dah boring dan tatau kemana nak luahkan perasaan ini sebagai "rakyat yang didahulukan"

By antikmalaya  on [October 16, 2009 9:42 AM](#)

Dearest Tun,

Tun punya komen kali ni memang paling best.

You're the best lah Tun!

By [ManafMubarak](#)  on [October 16, 2009 5:04 AM](#)

Salam Bahagia Tun,

1. Saya fikir kesalahn orang lain tidak boleh diletakkan sebagai kesalahan orang tertentu.
2. Memasang poster pemimpin politik yang berkuasa adalah satu bentuk rasuah secara tidak langsung dengan harapan mendapat projek besar.
3. Barangkali Tun tidak merestui mana-mana pihak memasang poster Tun di merata jalan tetapi orang tertentu melakukannya juga kerana kumpulan sasarannya ialah peniaga yang mahu jalan pintas mendapat mengguna kuasa menteri.
4. Adakah undang membenarkan tuan punya poster merobohkannya sesuka hati? adakah perbutn itu bercnggah dengan undang-undang?.
5. Untuk mengelak perkara buruk seumpama ini berlaku, adalah lebih baik bagi pihak berkuasa tempatan atau majlis Bandaran atau Majlis Bandaraya mendapat kebenaran tuan punya gambar poster sebelum mendirikan. Jika didirikan juga tanpan persetujuannya, maka poster itu tentu boleh dirobohkan.
6. Pada masa ini kita sedang menyaksikan Dao' Seri Najib sedang berusaha membangunkan negara melalui ucapan sulungnya di PWTC. Wajahnya yang terparap di dada akhbar dan kaca TV bukan poster tetapi gambar hiasan kerana ucapannya.
7. Marilah kita memberi sumbangan positif kepada ucapan Najib melalui teguran membina. Ucapannya adalah isu besar kepada bangsa dan negara kita. Kita telah memberi kuasa kepadanya dan marilah sama-sama kita menyokongnya demi kebaikan agama bangsa dan negara.

By sayangmalaysia  on [October 16, 2009 3:19 AM](#)

YBhg Tun,

Terima kasih kerana mengingatkan Dato' Seri Najib dan kerajaan. Mungkin bila teguran datang dari Tun, adalah tindakan.

Hendaknya PM dan Kabinet juga sedar yang Rakyat jelek dan benci menonton berbagai lagi karenah meraka:

- 1 Bila menghadiri majlis, tidak tepat masa
- 2 Bila disuruh berucap, menjela-jela tak jelas isinya
- 3 Bila keluar negara, menderu rombongan anak-isteri dan pegawai kaki dan tangan.

Saya pernah satu pesawat dengan seorang menteri kabinet yang dalam lawatan resmi dengan isteri, 2 anak dan tak kurang lima orang pegawai -- di Kelas Pertama dan membawa tidak kurang sepuluh bagasi termasuk beberapa buah Louis Vuitton cases dan beberapa kotak Noritake! Bayangkan kecohnya di Kaunter MAS lapangan terbang tersebut!! Dan sibuklah pegawai MAS melayan Menteri, dan bukannya penumpang lain yang membayar tiket masing-masing.

4 Pegawai kerajaan di kedutaan dan konsulat luar negara yang sentiasa sibuk melayan lawatan menteri dan pegawai kerajaan. Saya pernah tengok betapa sibuknya seorang pegawai kedutaan bersiap untuk menyambut seorang CEO syarikat Malaysia yang datang menemani seorang ahli keluarga pembesar Negara. Sedih dan kecewa melihat penyalahgunaan kuasa.

5 Lihat berapa banyak rumah dan apartment di biayai rakyat di kota London? Kenapa harus Felda pun ada apartment untuk kakitangannya bercuti di London? Sedihnya mengingatkan keringat orang tua di ladang kelapa sawit...

Mungkinkah ada Menteri Kabinet yang membaca tulisan begini dan dengan jujur membuat penilaian diri?

By [nawawimohamad](#) on [October 16, 2009 2:05 AM](#)

The idea to display the faces of ministers comes from the businessmen and not the ministers themselves. The businessmen just want to make money- they mooted the idea, convinced the ministers and insisting that their faces be prominently displayed, they got the contract and there goes the rakyat money.

By [alan](#) on [October 16, 2009 12:50 AM](#)

I always wondered why you were not more stringent on the images on the board. You were the prime minister then and you could have put a stop to all these pictures and images of both politicians and the royals. It is true that i just cannot see the logic of having the images of them on the bill boards and also at some govt offices. i once questioned a bank officer at arab malaysian bank for the reason of having those pictures on the walls. It was a picture of the former MB of Selangor. I asked the significance of it and they said that it was required! Strange. Is it an offence not to have their photos on the walls? I honestly thought the opposition would be different but they are just the same. It does not bother me really but like you said after awhile you realise that it is a waste of money and you get tired at looking at those faces.

By Halimsagrod  on [October 16, 2009 12:14 AM](#)

Dear Tun,

Pictures says a 1000 words. So the lazy ministers/YBs assume that by having their pictures all over the country using all the the PR consultant available it is an easy job. No need to see the rakyat, the rakyat can see them. No need to cover the country , just have the SMS number the team of SMSasses will reply to all the rakyat SMS. Shortcut to stardorm. Leaders/ YB spending other people money for all this .

The opposition are competing too nowadays. Every corner of the Masjid fences, full of the respective Adun and even Ketua Bahagian!!! , Pakatan Rakyat rep etc.. on the excuse of some ceramah opening of a warong maybe.

Whats happening?? Pening pening

salam

halimsagrod

By razak  on [October 15, 2009 11:31 PM](#)

Assalammualaikum w.b.t Ayahanda Tun dan Isteri,

Buat ape nak paparkan gambar kat billboard kalau nak popular macam artis. Patutnya masuk tv3 jadi selebriti, bukannya jadi ahli politik. Ahli politik bila nak raih undi baru turun padang, tu pun bukan semuanya pegi ke rumah, tapi ke padang yang rasmi itu, rasmi ini. Kalau bukan hari undi, jangan haraplah nak jenguk rumah ke rumah, kirim salam. Rakyat dah jelak dengan cerita aktiviti pembangunan. Sebabnya, pembangunan dibuat untuk kroni2 dapat kontrak, tapi hasilnya kepada rakyat sikit je. Contohnya, buat tempat tunggu bas, puluh2 ribu tapi atapnya ala kadar je. Bila hujan, tempiasnya pun boleh basah kuyup, bila panas, nak terbakar kulit kena matahari. Benda, ni kecil je tapi ramai rakyat yang guna. Satu lagi klinik kerajaan. Ayahanda Tun datang lah melawat kat Klinik Seri Kembangan, Selangor, dekat2 Plaza South City pada setiap hari Selasa (hari pemeriksaan untuk bayi & kanak2), tempat kecil, parking tak cukup, tempat menunggu crowded macam tin sardin. Usahkan nak dapat tempat duduk, nak berdiri pun belum tentu muat. Aircond dlm bilik doktor je, rakyat cuma dapat kipas. Klinik untuk keselesaan rakyat tapi kemudahan, MasyaAllah macam duduk kat Myanmar. Doktor yang ada selalu merungut sbb doktor sikit, pesakit/baby ramai. Hanya Tun yang boleh dipercayai untuk tegur pemimpin2 kat atas. Memanglah lambat untuk buat klinik baru, tapi apa salahnya pasang aircond 2-3 biji untuk keselesaan ibu2, bapa2 dan anak2. Derma 1 juta dolar ke Padang, Indonesia boleh tapi 5-6 ribu ringgit untuk aircond takkan tak boleh? Ini contoh di Seri Kembangan, klinik2 tempat lain pun sama juga keadaannya. Pemimpin yang prihatin sudah tentu akan mendapat undi dari rakyat. Sekian, terimakasih. Wassallam.

Razak

By arik  on [October 15, 2009 10:48 PM](#)

Apa khabar Tok det....semoga sihat sentiasa

Tak tahu nak tulis apa....tapi bolehlah memberi sedikit gambaran  
Saya tak pernah pula timbul rasa benci bila tengok gambar-gambar yang terpampang besar itu ,

cuma saya terfikir ? , mana sumber mereka dapat duit maklumlah rakyat disuruh berjimat . Pihak kerajaan tak habis-habis nak membazir . itu yang membuat saya lebih menyampah adalah .....

By RA  on [October 15, 2009 9:51 PM](#)

Salam hormat Yg Bhg Tun,

Memang tepat sekali pandangan Tun bahawa sepanduk besar (Giant Size) yang mempamerkan potret Perdana Menteri ke 5 dengan diapit oleh isteri dan ada diantaranya oleh Ketua Menteri, Menteri Besar dan Menteri Kabinet yang terdapat begitu berleluasa dipamerkan hampir seluruh kawasan strategic dalam Negara Malaysia. Mungkin juga ada tujuan-tujuan tertentu sepanduk besar itu dipamerkan, diantaranya mungkin suatu kaedah bagi memperkenalkan pemimpin kepada rakyat. Saya menganggap sepanduk-sepanduk besar sedemikian rupa adalah satu bentuk pembaziran disamping boleh juga mencatatkan pandangan persekitaran di mana sepanduk itu dipasang. Mengikut pandangan rambang masyarakat ramai yang tidak menyenangi kehadiran sepanduk-sepanduk besar sedemikian. Jika mahu diambil kira untuk menarik perhatian rakyat dirasakan tidaklah begitu bersesuaian. Nampaknya tindakan YAB Perdana Menteri ke 6 Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak tidak meneruskan amalan atau tidak mewarisi amalan memasang dan mempamerkan sepanduk besar potret-potret pemimpin Negara bagi menarik perhatian rakyat. Langkah sedemikian amat wajar. Malaysia sudah mempunyai berbagai cara dan kaedah yang lebih sempurna dan wajar memperkenalkan wajah-wajah pemimpin kepada rakyat. Potret wajah pemimpin yang dipamerkan di merata tempat atau kawasan tidak banyak membantu dalam usaha memikat hati rakyat. Zaman sudah berubah. Rakyat mahu melihat nilai-nilai seseorang pemimpin melalui gerak kerjanya kepada rakyat bukan melalui melalui potret. Kredibiliti seseorang pemimpin akan diukur dan dinilai melalui pencapaian tertentu bagi kepentingan rakyat. Ini amat bersesuaian dengan Gagasan 1 Malaysia Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak. Amalan-amalan yang tidak menguntungkan dan tidak bersesuaian dengan kehendak semasa haruslah dipinggirkan atau dihentikan sama sekali.

Sekian. Wassalam Tun.

By jackacd3245  on [October 15, 2009 9:05 PM](#)

A;kum Tun,

Pada saya pemimpin bukan diingat kerana gambar yg byk di tayangkan,ttapi jasanya pada rakyat. Saya tahu teguran Tun memang ikhlas. Semoga Tun dan isteri diberi kesihatan yg baik oleh Allah

By mushashi  on [October 15, 2009 8:25 PM](#)

persoalannya adakah dengan hanya letak banner rakyat berjaya/sudah didekati?

banner nie zaman komputer nyer stail...

mungkin...'pelobi' umno dan pas boleh guna teknik 'org dulu'...

ukir patung dan letak merata tempat...

senang nak letak colok ngan pulut kuning...

p/s-teringat pemimpin ulung muslim yang melarang gambarnya dilukis...kenapa yer?

just wonder...

By Johvono  on [October 15, 2009 5:59 PM](#)

YABhg Tun,

Hope you can comment on the economic disparity in this country, inter-racial and intra-racial.

And whether a welfare state, or social democratic principles should be established in this country.

Thank you.

Selamat Hari Raya to you and family.

By pakbelalang  on [October 15, 2009 5:18 PM](#)

Umno is not racist: Najib

KUALA LUMPUR: Umno president Datuk Seri Najib Tun Razak has warned political parties to not simply accuse Umno of being racist.

Najib said parties which accused Umno of being racist should look at themselves and the reality of the racial composition in their own parties and check if it truly reflected the openness they have been espousing.

comment:

Yes, yes, yes !! That goes without saying. Make no mistake about it. They are hypocrite people of the first order trying to deceive others. In reality, they are deceiving themselves. They are lowering our intelligence, period !!

Mereka sentiasa JAHIL !!!

By Mustex  on [October 15, 2009 5:06 PM](#)

Tun,

Why it took you so long to broach this topic. In fact I first saw the said ads I asked myself this question: "What in the world is the Minister of Tourism trying to do?" and "What is the expected return?" Does it mean by having the pictures of both the then Prime Minister and Minister of Tourism that also carries the visual of ZOOM Malaysia really means anything?

Why change to Zoom Malaysia? What does it signify? Who are they targeting at? To me personally....it was a sheer waste of public funds. The Minister was using the Tourism platform to promote the Prime Minister and herself. Yes....we really want to puke when we saw all these billboards and buntings around the country. Yikes...certainly the Minister would have more decorum in promoting herself!

Well Tun, we have also seen DSN picture for 1Malaysia campaign and hopefully this is not fully exploited and abused! Don't let the rakyat feels nausea. There should be a lesson learnt and not to repeat the same stupid mistake!

By drnurdin  on [October 15, 2009 4:48 PM](#)

Tun

Bukan setakat gambar billboard sahaja. Di pejabat kerajaan sepatutnya ada gambar Agong, Raja Permaisuri, Sultan dan Sultanah Berkenaan, PM dan Mb saja.

Harap gambar menteri kabinet tak perlulah. Cukuplah gambar anggota kabinet beramai-ramai yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan.

Kami di IPTA dah lima tahun ni letih asyik kena naik turun gantung gambar menteri pengajian tinggi sebanyak tiga kali. Ketika gambar menteri Dr. Shafie baru siap nak gantung, tiba-tiba kena menteri bertukar. Ketika gambar Datuk Mustapa baru siap nak gantung, dah tak jadi pula kerana masuk Khaled Nordin.

Ni nak tanya, rombakan nanti Khaled Nordin kena tukar pulak ke. Boleh tak bagi tahu awal-awal supaya jurutera kami boleh rancang gambar apa pulak gantung. Kalau tak ada gambar kan lagi senang kerja kami. Dah banyak sangat lubang frame yang kami tebuk kat dinding Bilik Senat dan ofis-ofis. Lagi bagus kalau buat gambar tapi tak tulis nama kementerian mana. Biar kami yang tulis nama kementerian yang dia duduk ketika itu. Taklah rugi kertas. Takkan tak boleh kerja kalau tak ada gambar menteri kot. Kan semuanya pensyarah bijak pandai. Hidup 1 Malaysia.

By [Pembela](#)  on [October 15, 2009 4:29 PM](#)

Assalamualaikum Tok Det

## BILA PEMIMPIN DAH MACAM ARTIS

1. Memang dah naik berbulu biji mata melihat gambar pemimpin yang ditayang di sana-sini macam artis iklan. Dah naik asap! Terasa macam dipaksa melihat wajah pemimpin setiap hari. Seperti kita terpaksa membaca iklan "ah long" yang ditampal dan ditabur merata-rata.
2. Wajah pemimpin pun dah macam gambar artis dengan gaya solekan dan teknik lampu yang super fotogenik. Bagi yang wanita terserlah keayuan dan keibuan. Manakala lelaki pula terserlah ketampanan dan ketulusan hati. Tak perjaya tengok gambar "promo" Sharizat dan Khir Toyo. Macam artis! Pemimpin lain pun sama juga. Masing-masing mempunyai 'konsep penampilan' sendiri yang hendak ditonjolkan. Khabarnya ada yang sampai buat kosmetik surgery untuk mencantikkan wajah masing-masing supaya nampak berseri-seri. Tetapi perut pemimpin UMNO/BN yang buncit nampak seperti kuat makan rasuah tak pulak buat surgery kempis perut!
3. Maka apabila terdedah sesuatu keburukan pemimpin seperti politik wang, rasuah, skandal dsb rakyat tersentak dan kemudian mula rasa meluat hendak menatap wajah pemimpin. Apatah lagi

seluruh rakyat dipaksa menatap wajah pemimpin setiap hari yang terpampang dan tesergam di merata tempat. Lagilah rakyat naik geram, benci dan menyampah. Terasa macam nak baling sahaja muka mereka dengan dengan kasut macam Bush kena di Iraq!

4. Rakyat merasa pemimpin yang wajahnya ditatap setiap hari "indah rupa dari akhlak". Rakyat terasa seperti telah ditipu, dikhianati. Rakyat melihat pemimpin seperti penipu dan bermuka-muka. Di gambar nampak baik tetapi sebaliknya amat busuk dan jijik.

5. Pemimpin yang TELAH DIDAPATI BERSALAH seperti Ali Rustam yang masih menjadi Ketua Menteri Melaka masih bersepah di serata pelusuk negeri. Apakah Ali Rustam fikir rakyat Negeri Melaka suka menatap wajahnya yang telah mengecewakan mereka kerana memalukan Negeri Melaka tidak dapat betanding Timbalan Presiden UMNO disebabkan kesalahan rasuah? Apakah UMNO/BN fikir rakyat Melaka dan pelancong dan pelawat dalam dan luar negara yang berduyun-duyun ke Negeri Melaka suka melihat wajah pemimpin yang sudah terpalit rasuah?

6. Saya sendiri sebagai rakyat dan pengundi berdaftar di Negeri Melaka sudah muak mendengar pelbagai cerita busuk dari orang dalam dan luar. Dah naik kematu telinga! Kalau cerita-cerita yang tiada bukti tak mengapalah. Tetapi bagaimana cerita dengan telah terbukti bersalah mengamalkan rasuah? Macamana nak ditepis? Nak disorok? Bangkai semut bolehlah disorok. Ini bangkai gajah. Satu Malaysia dan satu dunia dah tau!

7. Sebab itu apabila Ali Rustam terus dikekalkan memegang jawatan Ketua Menteri oleh Najib terasa amat pelik dan tak faham. Bukan sahaja orang luar, tetapi rakyat negeri Melaka pun pelik. Najib, UMNO/BN tak serik lagi ke? BN nak biarkan Melaka yang menjadi kubu kuat UMNO selama ini terlepas ke PR ke? Mungkin sebab Isa Samad dah menang di N9 maka tidak mengapalah UMNO/BN angkat pemimpin yang terpalit rasuah?

8. Rakyat sedang memerhatikan barisan kepimpinan UMNO/BN yang sebelum ini terjerit-jerit melaungkan BERANI BERUBAH. Berubah... atau rebah.

UMNO SEGALANYA RASUAH

NAK JAWATAN - RASUAH

NAK UNDI - RASUAH

NAK KONTRAK - RASUAH

NAK LESEN - RASUAH

NAK GELARAN DATUK - RASUAH

NAK APAPUN - RASUAH!!!

Nak masuk syurga boleh rasuah ke???

PEMBELA

<http://pembelamelayu2009.wordpress.com/>

By Mis\_bah  on [October 15, 2009 4:10 PM](#)

Assalamu Alaikum Tun

Ya lah Tun, kalau yang untung cuma kontraktor sbb lepas tu..kontraktor akan minta macam-macam projek. Kan elok kalau kos bina papan tanda tu diguna bantu orang miskin...tidak membazir. Saya tidak menolak semua jenis papan tanda seperti itu tetapi kerana ada juga yang bawa manfaat kepada rakyat..contoh papan tanda YB dengan no hanponnya sekali.. jadi rakyat boleh cari wakil rakyat mereka 24 jam.

By nida  on [October 15, 2009 3:53 PM](#)

saranan Tun memang bagus sekali. Tapi para menteri tu ade ke baca komen2 kat sini. Ada baiknya Tun mengajak mereka untuk membaca posting2 di blog ni supaya mereka yang berkenaan tahu setakat mana rakyat suka dan tak suka sesuatu perkara yang dilakukan...dan rajin2 la turun padang untuk bermesra dengan rakyat dan tengok apa masalah rakyat....

By abbas  on [October 15, 2009 3:48 PM](#)

Ada pemimpin pembangkang di tempat saya, berposter ikut perayaan.Habis tiang letrik TNB jadi mangsa.Nak tonjol image yang dia ni versatile kut?Tapi dari segi mana dan apa ye?Macam pemenang rancangan realiti TV, memang berbakat tapi tidak cukup ummph, kata mereka,mereka 'cute' tapi sebenarnya, sebab politik penerbit maka mereka menang, sampai sekarang ni tidak menyerlah di persada hiburan dalam negeri, kalau nampak pun asyik aksi yang sama...nampaknya cuma boleh hiburan sebahagian yang berupaya mengundi sahaja dari semua yang sebenarnya menonton.Bolehlah kalau nak kata, menghabiskan beras aje!

Maaf Tun...saya merapu.

Apa apa pun, assalamualaikum Tun dan Tun Siti. Seperti selalunya, saya berharap yang Tun berdua sentiasa diberkati dengan tahap kesihatan yang memuaskan dan gembira sentiasa disamping keluarga tersayang.Amin.

By jeramnangka  on [October 15, 2009 3:30 PM](#)

Tun,

saya setuju.

para menteri dah diberikan KPI oleh DS Najib.Mesti utamakan performance/persembahan.Bila menteri selalu turun padang, rakyat akan ingat.itu sudah cukup.

terima kasih kerana tun sudi menghadiri majlis perasmian perhimpunan agung umno pagi tadi.

umno, dulu kini dan selamanya.

By goggie  on [October 15, 2009 3:15 PM](#)

Salam Tun,

Bukan sepanduk atau billboard, malah dalam akhbar2 pun. Bekas MB Selangor dulu siap dalam magazine pun ada.

Kalau ada pilihan raya kecil.....pemimpin digambarkan bersama rakyat, cium kanak kecil, usung orang sakitlah, macam2 lagi. Gambar2 besaaaar!  
Semua ini lapok dan pupus punya tektik.

By lakatas  on [October 15, 2009 2:42 PM](#)

Salam

Y.Bhg. Tun

Agaknya kebetulan dengan post Tun berkenaan wajah pemimpin yang Tun bangkit saya pun dua tiga lepas terfikir perkara yang saya ... ada MB di bahagian utara ni memang suka sangat buat amalan macam tu nak sampaikan ucapan melalui banner dari Hari Raya Aidilfitri sampai tahun baru cina dan deepavali... merdeka pun buat juga tapi lebih besar sehingga seluruh pelusuk negeri letak ..tak cukup dengan banner billboard buat sekali.

Kadang2 agensi dan majlis tempatan serta kerajaan negeri pun buat perkara yang sama kenapa perlu letak gambar MB. Kadang-kadang Pemimpin itu sendiri pun tak suka letak gambar dia di banner dan billboard tetapi orang-orang dibelakang pemimpin ni yang lebih ghairah buat demikian untuk kepentingan diri.

Kalau nak sampai ucapan saya lebih baik turun padang berjumpa dengan rakyat jelata secara dekat bukan melalui ucapan di banner sahaja...baru mesra rakyat. Pergi la Nat (pasar pagi) , pasar malam, pasar borong, kedai kopi, kampung2 tak semestinya kena buat program baru nak turun ... lebih baik turun cara macam ni lebih dekat dan tahu masalah dan kehendak rakyat.. Harap kepimpinan BN sekarang boleh berubah.

By Hajar  on [October 15, 2009 2:36 PM](#)

Salam YAB dan Di Kasihi Tun,

Memang betul-betul *MEMBAZIR* kerajaan pimpinan Tun Lah, dan yang lagi *TERUK* ialah perkara tersebut membuat orang menyampah dan meluat.

Apa yang pasti, wajah pemimpin yang saya suka tengok ialah wajah TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD – sejuk mata memandang (ini pandangan saya).

*\*\* Semoga Tun sekeluarga dirahmati Allah SWT \*\**

By reeckless  on [October 15, 2009 2:01 PM](#)

Dear Tun perhaps you can comment more on our so called neighbours Indonesia (serumpun) on the sentiment of anti Malaysia.

The Anti Malaysian become worst then the media reported? And the sad part is our government just keep quiet about it.

By checker  on [October 15, 2009 1:47 PM](#)

Salam Tun,

1. Ya saya bersetuju dengan Tun seratus peratus supaya perkara2 seperti itu ( pembaziran ) tidak patut diulang dan patut dihapuskan. Diharap pemimpin2 sekarang sedia menerima pandangan ini dan mempunyai political will untuk melaksanakannya.
2. Jangan jadikan keahlian BN atau UMNO khanya sebagai lesen mutlak untuk mendapatkan kekayaan dan kuasa melalui kontrak2/projek2 yang membazirkan negara/rakyat atau memberi “favour” atau rasuah untuk sokongan mendapatkan kuasa.. Jangan jadikan HAPUSKAN RASUAH sebagai hanya satu slogan tetapi satu objektif dengan melaksanakan tindakan2 yang berkesan.

3. Pengkuan Tun atas kesilapan TUN ketika menerajui kerajaan dahulu adalah satu keberanian dan sifat yang terpuji di sisi ALLAH ( semoga ALLAH mengampuni TUN, insya'allah). Tidak terlambat untuk TUN menebusi kesilapan tersebut dengan memberi nasihat sedemikian kepada barisan pemimpin2 sekarang.
4. Tanggungjawab seseorang pemimpin/ketua untuk memimpin orang2 bawahannya atau rakyat nya adalah berat sekali disisi ALLAH. Hanya orang2 yang beriman dan bertaqwah sahaja yang akan dapat pertolongan ALLAH. ALLAH berfirman “ Jagalah dirimu dan ahli2 mu dari api neraka”. “ Bertaqwahlah kepada ku dengan mengikut perintahku untuk kesyurga yang penuh dengan nikmatku dan jauhkanlah laranganku kerana azab( hukuman) dari ku sangatlah pedih.”
5. Manusia adalah ciptaan ALLAH yang diberi nafsu yang akan membawanya kepada syurga atau neraka. Hanya orang2 yang beriman dan bertaqwah ( ikut yang diperintah dan jauhi laranganNya ) sahaja akan dapat mengawal nafsunya semata2 untuk beribadah kepada ALLAH ( termasuk ibadah memimpin ).
6. Apa yang diperintah dan apa pula yang dilarang? Kena tahu ilmunya yang kebenarannya hanya terdapat dalam Quran & Hadith. Rasulullah SAW bersabda “ Aku tinggalkan kamu 2 perkara – Quran & Sunnahku – jika kamu rujuk kepadanya untuk amalan mu maka selamat lah kamu selama2nya dunia dan akhirat.”
7. Olih itu kena ngajilah. Sebab Allah juga berfirman, “ jangan kamu mengamalkan sesuatu yang kamu tidak ada ilmunya”.
8. Akhir kata, TUN, saya juga ingin mengingatkan diri saya dan semua orang2 yang beriman supaya jangan putus asa untuk memberi nasihat dan teguran2 atas perkara yang HAQ - benar( sungguh pun pedih dan tak popular ) kepada Pemimpin2 kita supaya bertaqwah kepada ALLAH dengan sentiasa merujuk kepada ilmu yang terdapat dalam Quran & Hadith sebagai sumber panduan untuk menjalankan ibadah kepimpinan yang diredhai oleh ALLAH, Insyallah. Saya juga ingin mengingatkan – Islam dulu kemudian baru Melayu.

By lanbaba  on [October 15, 2009 1:19 PM](#)

Assalammualaikum Tun,

Saya bersetuju benar agar amalan menunjukkan wajah pemimpin dipapan tanda dan sepanduk jangan diulang lagi. Rakyat sememangnya meluat melihat gambar pemimpin diserata tempat diseluruh negara, macam rakyat tak kenal rupa mereka. Kalau nak jadi popular jangan jadi pemimpin ,jadilah artis.

By NOM Airbus  on [October 15, 2009 1:17 PM](#)

Kita tanya kenapa mereka (menteri) dan termasuk dari parti parti pembangkan turut serta menyanangkan wajah pemimpin. Sebeb itu tak perlu bayar macam iklan iklan yang terpaksa bayar banyak wang kepada kerajaan tempatan atau bandaraya. Entah entah orang yang memasang Iklan tu pun tak di bayar

Tujuan mereka ialah meraih populariti di kalangan rakyat. Maklum lah nak jadi Glamor macam artis-artis yang mengiklan produk, seperti Mawi, Siti norhaliza , Rosham noor , Malek Noor, Jalaludin Hassan yang jasa mereka tak le sebanyak mana hingga bergelar datuk. (Makes me wonder what is the basis to qualify this datukship cracteria) mungkin pandai gelek kot macam Daud Kilau.

Mereka-mereka ini(para Menteri) takut tak di pilih semula dan hendak berkuasa sehingga orang benci macam Si "SemiVelue" jadi dengan cara ini aje lah mereka berpendapat dan menggunakan peluang sebelum mereka di buang dari profolio

Pada topic Tun kali ni saya setuju hanya PM selain daripada Baginda Agong serta Sultan yang layak di letak gambar mereka sebagai pemimpin. Yang lain tu buang masa dan duit aje. Zaman IT ni banyak lagi cara nak jadi menarik perhatian. Be creative sikit

kalau nak papar gambar pemimpin juga suruh bayar 3 juta Ringgit sekeping untuk sebulan, Duit tu buat simpanan dan belanja untuk rakyat

By JaneTI  on [October 15, 2009 1:16 PM](#)

Dear Tun,

Only a short comment.

Kalau gambar menteri merata-rata boleh tahan lagi. Ini gambar bininya merata-rata. " Lotih nengok eee ". Sorry la Tun, tercapak guna mother tongue pula. Sekali sekala tak pa la Tun noooo...

Salam hormat.

Please take care.

p/s: betoi ka depa nak impose gst?

By kamarol  on [October 15, 2009 1:07 PM](#)

Salam dan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada yang Berbahagia Tun seisi keluarga.

Amalan menumpang populariti Perdana Menteri yang telah menjadi amalan pada pucuk pemerintahan yang baru lepas sememangnya mendukacitakan kami rakyat Malaysia. Billboard bersaiz gergasi diletakkan di tempat-tempat dirasakan strategik oleh mereka tetapi membelakangkan dan mencemarkan keindahan alam Malaysia.

Kos yang terlibat untuk mendirikan Billboard itu tentulah besar dan boleh disalurkan untuk belanja yang lebih perlu seperti pembaikan jalan, infrastruktur mahupun untuk disedekahkan kepada fakir miskin. Populariti seseorang pemimpin tidak perlu diraih dengan cara memboroskan perbelanjaan wang rakyat/kerajaan dengan cara ini tetapi melalui cara melaksanakan perancangan seperti yang diwar-warkan/dirancangkan dan mengotakan janji kepada para pengundi sesuatu DUN/Parlimen yang berkaitan.

Setengah Billboard pula boleh mengundang bahaya kerana didirikan terlalu strategik sehingga melupakan aspek keselamatan disebabkan ianya didirikan dipersimpangan jalan atau menutup pandangan lalulintas.

Terimakasih Yang Berbahagia Tun atas pandanganmu..

By sayangTunM  on [October 15, 2009 1:07 PM](#)


Masih ada pihak PBT, Jabatan Kerajaan, Kementerian dll yang memasang sepanduk sambutan perayaan, tapi masalahnya, yang memenuhi ruang sepanduk berkenaan ialah gambar Menteri Besar atau Menteri berkenaan.

Rasanya arahan bertulis telah diedarkan kepada pihak-pihak ini.

Tak tahulah samada pihak-pihak ini yang bebal atau Menteri Besar/Menteri terbabit yang bebal.

By 5zal  on [October 15, 2009 12:56 PM](#)

saya setuju dgn Tun...

By K-peng Da Gretto  on [October 15, 2009 12:54 PM](#)

Salam Ayahanda Tun,

Rakyat sekarang sudah pandai menilai Menteri mana yg berkerja.. tak perlu menunjuk2 dan mengejar populariti.

K-Peng Da Gretto  
KSAH'96

By abdooss  on [October 15, 2009 12:38 PM](#)

Betul Tun. Rakyat juga benci amalan Rasuah di kalangan pemimpin. Juga kalau pemimpin Menunjuk-nunjuk Kekayaan mereka (walaupun diperolehi dengan apa cara jua pun), kerana walaupun ini tidak salah, tetapi bagai tidak mengambil kira hati dan perasaan rakyat yang susah dilanda zaman gawat dengan harga barang yang semakin naik.

By drnuridin  on [October 15, 2009 12:33 PM](#)

Kisah Gambar besar bersama PM atau TPM atau Menteri bukan saja berlaku kepada ahli Kabinet tetapi juga kepada pegawai kerajaan yang memegang taraf ketua eksekutif. Memang in satu pembaziran kerana bila kabinet dirombak maka gambar pun perlu diturunkan lah. Bila jawatan ketua berubah maka gambar pun perlu juga turun. Malangnya dia pula memasukan gambar Canselor dan Pengerusi LPU IPT berkenaan.

Tapi perkara berlaku mengikut musim. Bagi pegawai kerajaan seperti di IPTA dan juga mana-mana agensi ia berlaku ketika ketua itu seperti NC atau ketua berkenaan berada dipenghujung perkhidmatannya iaitu tamat tempoh kontrak.

Berbagai program tiba-tiba diadakan dan sering juga muncul secara kebetulan dengan hari istimewa seperti Perhimpunan UMNO. Banyak program rupanya dilonggok supaya berlaku pada musim berkenaan.

Maka keluarlah gambar ketua-ketua ini bersama PM, TPM dan juga isteri PM kalau boleh. Alamak lupa pula nam masukkan gambar Menterinya sendiri. Ia bertujuan menunjukkan betapa rapatnya hubungan dengan orang besar itu. Maka rugilah kalau terpaksa turunkan billboard itu. Oleh yang demikian, NC atau ketua itu hendaklah disambung perkhidmatannya lagi. Perkara ini

akan diulang pula pada perhimpunan UMNO akan datang. Gambar PM dan TPM memang akan ada. Gambar menteri tak ada sebab menteri sering bertukar agaknya menurut pengalamannya.

Begitu mahal nya nilai untuk belanja promosi dalam tiga muka penuh akhbar dan juga kos billboard untuk menyambung khidmat seorang ketua di IPTA. Agaknya berapa pula kos menganjurkan pemberian ijazah kehormat yang diadakan secara tiba-tiba?


By Pejuang Kebenaran  on [October 15, 2009 12:21 PM](#)

Salam perjuangan...

Saya sokong amalan ini tidak diteruskan lagi..

Biarlah berkhidmat dengan tidak memandang dimana pemimpin itu berada..

Tidak semua penyokong ada di kawasan pemimpin itu..

By InSis  on [October 15, 2009 12:19 PM](#)

Ada pendapat mengatakan Melayu adalah SEMBERONO. Adakah anda marah atau apa pendapat anda mengenai label ini - MELAYU SEMBERONO.

By mamimia  on [October 15, 2009 12:03 PM](#)

Assalamualaikum.. Mg Ybhg TUN sentiasa sihat selalu.

Bagi saya, klu seseorang pemimpin tu sentiasa peka dgn masalah rakyat / pengundinya serta mengambil tindakan yang sepatutnya, pemimpin tersebut akan sentiasa dekat dihati mereka... tak perlu lah sentiasa terpampang di sana sini...

By Oumono  on [October 15, 2009 11:51 AM](#)

Betul Tun.

Perasaan benci melimpah-limpah bila iklan propaganda macam ini berleluasa pada zaman Pak Lah dulu. Mem komunis pon ada, yang kurang hanya siren propaganda saja.

By [Duyam1968](#)  on [October 15, 2009 11:40 AM](#)

Salam sejahtera Tun,

Apa ada pada gambar? Kenapa habiskan beribu-ribu ringgit kerana gambar?

Perhimpunan UMNO baru ini pun terdapat poster (termasuk gambar) di jalanraya Kuala Lumpur (peliknya ada lambang BN). Kenapa nak diwar-warkan secara berlebihan perkara itu.

Saya ni memang anti dengan pembaziran/perbelanjaan secara berlebihan. Agaknya kalau duit itu dari titik peluh sendiri, PASTINYA, tidak belanja berlebihan. TOLONGLAH, jangan belanja berlebihan dan melampau sangat atau berbelanja sebab syok sendiri. Bukan tak boleh berbelanja TAPI JANGAN melampau DAN guna duit dari poket sendiri. Fikir dari mana duit itu datang. Berbelanjalah secara produktif dan berhemat. Sepatutnya perbelanjaan tersebut memberi manfaat dan kebaikan kepada rakyat umum. Tampil gambar dan poster ada ke memberi manfaat kepada orang miskin di bandar atau di kampung yang "kais pagi makan pagi kais petang makan petang". Trend atau cara lama jangan diikuti. Buang jauh-jauh.

Sepatutnya salah satu KPI menteri dan wakil rakyat ialah penggunaan wang rakyat mestilah produktif. Barulah berhati-hati nak guna.

By Black8  on [October 15, 2009 11:20 AM](#)

Assalamualaikum Tun Dr Mahathir & Family,

Saya sungguh tertarik dengan topik tun,

Sebenarnya itulah cara Pak Belalang untuk nak jadi glamour, saya rasa DSN lebih matang dalam tindakanya dan yang pastinya ada perubahan kearah 5s.

Dan saya yakin DSN akan dapat kembalikan BN dalam keadaan yang lebih baik spt yang TDM hasratkan Insyaallah.

Dengan adanya pandangan drpd TDM akan lebih cergaslah BN.

TERUSKAN TUN!!!

TERUSKAN TUN!!!

SEMOGA WAWASAN 2020 AKAN TERCAPAI!!!

By promelayu  on [October 15, 2009 11:13 AM](#)

Salam Tun

Setuju sangatlah Tun, tak yahlaa tunjuk muka2 pemimpin..buatlah keje dan tunjukkan prestasi terbaik..rakyat mesti suka...inilah yang terbaik...

Tapi nampaknya sekarang, isu gambar ini pulak dipentingkan oleh Perosak Rakyat (PR)...segala mak nenek sependuk ada di negeri2 Perosak ini Tun, diaorang pulak ikut cara BN yang tak betul...bagus2..dulu kutuk BN sekarang nie diaorang plak guna cara yang sama...tengok sahaja di negeri2 kelantan, kedah gambar2 pemimpin..apa yang bagusnya letak gambar diaorang nie???tak yah letak laaa..buat orang makin meluat jer..yang menyokong Perosak ini sedar2lah..sebelum anda disedarkan...jangan nampak BN sahaja yang teruk..PR pun lebih kurang sama bahkan lebih teruk dari itu..

Sekarang Perosak Rakyat tercarai2 idea macam mana nak fitnah kerajaan BN lagi..isu2 lain plak ingin diambil..biasalah dah kering modal...cakap pasal rasuah..ketua Perosak Rakyat merupakan perasuah utama...tapi still menang pilihanraya macam ISA...ISA sekurang2nya di ambil tindakan..dia mana ada..begitulaa Perosak Rakyat...keje nak rosakkan orang jer..

Nampaknya Najib telah betul2 komitmen untuk berubahkan negara...dia telah amalkan satu perkara yang baik dalam pentadbirannya untuk rakyat....Inilah bezanya beliau sebagai pemimpin Tun..

By OrangKelang  on [October 15, 2009 11:01 AM](#)

Salam YABhg Tun,

Saya bersetuju sangat dengan saranan tersebut. Amalan yang hanya membazirkan wang rakyat patut dihentikan kerana sememangnya mendatangkan perasaan jelik rakyat jelata.

Saya juga meluat dengan sependuk-sependuk besar yang ditaja khas oleh kerajaan selangor hari ini yang membazirkan wang rakyat dengan sependuk Hapuskan ISA - Bebaskan Manoharan serta Pulangkan Hak Air Kepada Rakyat Selangor - Hentikan Pemberian Syarikat Air Kepada Kroni.

Apa faedahnya kepada rakyat? Apakah sumbangan Manoharan kepada negara? Dalam byk2 tahanan ISA, kenapa Manoharan lebih penting. Adakah dia orang berjasa? Dan benarkah rakyat yang mahukan hak air tersebut atau Wakil2 Rakyat PR?

By yuhana  on [October 15, 2009 10:54 AM](#)

Salam,

Tun nak tanya apa perkembangan rancangan Tun nak hantar bantuan dengan kapal ke Palestin? Saya sentiasa doakan rancangan Tun akan berjaya.  
Hidup Tun!!

By datomus  on [October 15, 2009 10:51 AM](#)

Dear Tun

I agree. It's so very 3rd world.

By yuhana  on [October 15, 2009 10:50 AM](#)

Salam,

Tun saya diantara brjuta orang yang amat mengagumi Tun, saya setuju dengan apa yang Tun tulis, letak ler sepanduk lain pasal keindahan malaysia ke baru la betul ini letak muka depa saya pun tak suka.

I LOVE U TUN & YOUR WIFE!!

By AZIF  on [October 15, 2009 10:47 AM](#)

YBgh Tun

Very true as mentioned, popularity is not by photograph, but simply by the hearts for the Rakyat to acknowledge of our leaders. DSN is wise and has learned the hard way by not allowing his photograph and bunga mangga to be displayed. His visit often is unannounced and thus is a true leader for 1 Malaysia.

YBgh Tun during your time similarly as AAB time as PM, some one or somebody is trying to bodek the PM, by displaying such big photograph not only of the PM but also of themself as Ministers. Such a waste of the Rakyat money. DSN has a tremendous role to ensure UMNO & BN is still relevant and thus he must be cautious of such issues do not recur. I for sure knows that DSN is a fair PM and dislikes waste, and being a PM he need to know his enemy within his team "Musuh dalam Selimut". I hope UMNO sincerity and leadership this time around would improve and has learned the lesson for UMNO survival. UMNO Corruption as we all know was when DSAI tying to topple the late Tun Gaffar and was atr its worst peak when he was the DPM. YBgh Tun UMNO is healing from its wounds brought by AAB and UMNO healers is YBgh Tun. BN is still in crisis by MCA, MIC, PPP etc.

By whybee bangi 2  on [October 15, 2009 10:45 AM](#)

Salam Tun,

1) Sepanduk berserta gambar gambar pemimpin bukan sahaja bersepah malah dalam akhbar pun penuh sampai satu, dua, tiga muka pun ada.

2) Tidak cukup dengan itu, ada GLC sedang menghadapi penyakit yang sama.

- 3) Rakyat meluat satu hal, tetapi dari segi kos ianya sudah tentu melibatkan wang yang banyak.
- 4) Bukan tidak boleh buat iklan tetapi perlulah berpeda.
- 5) Yang menjelikkan terdapat ciri ciri untuk menonjol diri atau untuk mengampu.
- 6) Akhir akhir ini semakin ramai yang membuat sepanduk termasuk dari adun UMNO,PKR,PAS dan DAP. Peliknya ia terlalu berwarna warni hingga tidak diketahui dari parti mana... idiot.

Wassalam.

By pagartop  on [October 15, 2009 10:44 AM](#)

Tun M..

Memang meluat pun.

La ni bejangkit kat PR pulak. Setiap simpang kat alor staq muka depa saja. Nyampah nengok. Dah tau duit negeri sikit dok perabih kat signboard pulak..

By [sangtawal](#)  on [October 15, 2009 10:31 AM](#)

Salam perjuangan buat Tun yang dikasihi,

1. Amat setuju dengan pendapat Tun.

Ya...ia boleh mencemarkan keindahan alam semulajadi.

2. Masa PRU-12 terutamanya di kelantan... rakyat naik muak dengan gambar besar .. seperti "Awang Adek - bakal menteri besar kita"!!!

3. Di kok lanas ...ada juga gambar pemimpin BN yang dibuat besar... entah apa tujuannya saya pun tak tahu!

4. Tapi... gambar tok guru pun apa kurangnya, hampir sepanjang jalan ada gambar dia ... yang terbaru ada gambar besar dia sedang khusyuk berdoa....tepi tu ada lilin!

5. Masih ingat bagaimana rakyat iraq menumbangkan patung/gambar saddam dan kencing atas kepalanya! kita tak mahu jadi seperti itu.

wassalam.

By [rahman abbas](#)  on [October 15, 2009 10:03 AM](#)

Assalamualaikum TDM dan isteri,

bukan apa merekan publisiti aje..untuk lebih menonjolkan diri.

By P.A.M.P  on [October 15, 2009 9:59 AM](#)

memang meloyakan apabila muka muka pemimpin yg dibencikan dipaparkan dekat bill board di jalanan. takpelah klu jalan itu bukan dilalui setiap kali tapi bayangkan apa yg berlaku klu jalan itu dilalui hampir 2-3 kali dlm masa sehari..rasa benci bertambah tambah. semoga semua menteri besar, ketua menteri dan pemimpin negara menambal gambar mereka si seluruh jalan raya bermula dari sekarang agar rakyat berasa loya dan nak muntah...dgn ini, BN akan dijatuhkan pada GE13. semoga mereka terus meneruskan amalan ini yg membazirkan wang pembayar cukai dlm tempoh terdekat kerana mereka akan kalah tak lama lagi.

By T-Rex  on [October 15, 2009 9:43 AM](#)

Salam Tun,

KARTUN sungguh !!!! Cho Tun pi lawat pekan Sungai Petani la ni. Depa dok penaik papan tanda dengan gambar MB PAS (Azizan) pulak dah. Aden pun rasa jelik tengok papan tanda tu. Dulu PAS dok mengata kat UMNO, la kena kat depa. Tak malu sungguh !!. Saya dok SP 5 tahun lebih, sikit punya cantik UMNO penaik pekan Sungai Petani bertahun lamanya. tup tup..puak PAS masuk cuci kaki kata depa punya kerja. Apa depa ingat magik ka nak buat semua ni dalam sekelip mata.

By [HOT ZOOM](#)  on [October 15, 2009 9:34 AM](#)

Wajah2 pemimpin era Pak Lah diturunkan ketika era DS Najib kerana mahukan perubahan dan slogan 1 Malaysia memerlukan semua wajah mewarnai negara dalam semua bangsa. Jadi nak senang cerita wajah seorang saja dah boleh menggambarkan semua dalam 1 Wajah.

Wajah2 pengkhianat negara yang perlu perhatian dan tindakan:

<http://www.zoompanas2.com/2009/10/orang-dikehendaki-polis.html>

By [Maha Rulez](#)  on [October 15, 2009 9:02 AM](#)

Salam..

Sebagai pemimpin, rakyat adalah amanah yang dipertanggungjawabkan. Segala hiasan dan tampalan wajah2 tersebut sebenarnya kurang bermanfaat dan mendatangkan faedah kepada rakyat.

Justeru adalah baik jika peruntukan tersebut digunakan untuk pembangunan atau disalurkan kepada pihak yang amat memerlukan.

Prestasi seorang pemimpin bukanlah diukur melalui 'pembungkusnya', tetapi ia akan dinilai melalui prestasinya. jgn lah terlalu fokus terhadap 'solekan' luaran sehinggakan terabai apa yang ada di dalam diri.

Saya tertarik dengan gaya dan cara hidup presiden Iran kini. Beliau berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan rakyat...bersikap sederhana dalam semua hal. Tegak dalam pendirian. Hak2 rakyat terbela. inilah pemimpin yang kita cari!!

By samar  on [October 15, 2009 8:53 AM](#)

Y. Bhg. Tun,

Mempromosi diri sendiri memang tidak baik. Di negara blok sosialis atau komunis dulu dan sekarang, gambar pemimpin bersais besar semamangnya dipamirkan secara terancang seperimana bandar New York atau Tokyo mengiklan jenama barang-barang. Memang suatu ketika dulu menjadi lumrah untuk melihat gambar PM, TPM dan menteri atau menteri besar dipamirkan bersama.

Saya dapat tahu ketika itu seboleh-bolehnya gambar Tun tidak boleh dipamirkan walaupun dalam buku-buku cenderamata. Bermaksud wajah Tun kena blackout ketika itu. Jika terpaksa pun kerana gambar itu relevan tetapi liputannya mestilah kurang daripada PM. Saya sendiri menghadapi dilema sedemikian dan kini saya rasa menyesal tetapi terpaksa menurut arahan. Sepatutnya dalam menyorot sejarah negara sumbangan Tun adalah lebih banyak tetapi terpaksa dijinakkan dengan liputan yang tidak begitu menonjol.

Datuk Najib kena belajar daripada pengamalan dan iktibar promosi diri sendiri yang berlebihan. Saya baru berjumpa rakan dari US, dia amat ambil berat apa yang sedang berlaku kepada Tun.

Semoga Tun sekeluarga diberkati Allah.

By Poh  on [October 15, 2009 8:48 AM](#)

Dear Tun,

Near the place I am working, one of the cabinet ministers will have his poster posted come chinese new year, deepavali, christmas and hari raya. Lately I noticed that these posters have been smeared with red paint.

Good day Tun,

Poh

By antisekular  on [October 15, 2009 8:48 AM](#)

Assalamualaikum..

Saya setuju 100% teguran TUN kali ini..sekurang2nya boleh jimat space iklan dan peluang space itu blh diberi kpd syarikat yang memerlukan publisiti yang lebih kritikal. Rakyat sudah maklum pun siapa PM mereka walau tiada gambar pun di tepian jalan/papan2 iklan.

Jika UMNO ingin berubah, tinggalkanlah budaya melobi2 ini.Syukran

By Shairul Rizdiyandi Omar  on [October 15, 2009 8:39 AM](#)

Assalamualaikum Ayahanda Tun...

Pada pendapat saya, apa yang Tun katakan adalah benar. Kita perlu mempamerkan identiti rakyat Malaysia kepada pelancong-pelancong asing, bukannya wajah-wajah pemimpin tertentu. Geli hati apabila melihat papan tanda di Putrajaya berslogan 'Daripada Sebuah Ladang, Lahir Sebuah Impian' (kalau tidak silap saya) dengan berlatarbelkangkan wajah Pak Lah.

By warisan melayu  on [October 15, 2009 7:57 AM](#)

Salam Tun,

Harap begitu lah hendaknya....

Ini lah masanya untuk BN kembali menawan semula hati rakyat yg rata-rata telah benci dan menolak BN.

Harap segala perancangan dan gerak kerja murni ini akan mendapat berkat dan rahmat dari Allah SWT.

By jadi  on [October 15, 2009 7:40 AM](#)

Yg Amat Berbahgia Tun

Tentang gambar pemimpin ni, di Kedah gambar ustaz Azizan Menteri Besar Pas Kedah ada di merata rata. Tak tahulah pula MB ni rasa dia handsome ke, segak ke aper ke tapi saya merasakan gambar gambar besar dia ni tidak mesra alam dan disesetengah tempat mengganggu lalu lintas ajer.

Yang lucunya ada sampah yang bertimbun di depan gambar besar ustaz azizan ni seolah olah dia melihat sampah yang tidak di pungut ini oleh pekerja Majlis tetapi hanya membiarkan sahaja dengan tersenyum.

By chewchew  on [October 15, 2009 7:24 AM](#)

salam tokdet

di kota bharu, wajah seorang ketua ulamak berada di mana2.  
beribu peruntukan digunakan utk wajah yg dikatakan jika dilihat akan memberi pahala kepada org yg melihatnya.

By [samuraimelayu](#)  on [October 15, 2009 1:51 AM](#)

SALAM KASIH DAN SAYANG  
AYAHANDA RAKYAT TUN,  
IZINKAN,

..DAN KINI DENGAN USUL EMPAT RUKUN BARU UMNO, NAJIB MENGHARAPKAN AHLI2 UMNO AKAN BERJIWA BARU...

PERSOALAN NYA?

APAKAH DENGAN RUKUN BARU TERSEBUT, WAJAH2 PEMIMPIN YANG TELAH DIDAPATI 'BERSALAH' SEPERTI ISA SAMAD, ALI RUSTAM DAN KHAIRY JAMULUDDIN YANG MASIH 'POPULAR' DENGAN PUCUK KEPIMPINAN AKAN MENGUBAH PANDANGAN RAKYAT PENGUNDI TERUTAMANYA GENERASI MUDA DAN AKAN MENYOKONG UMNO SEMULA?

JANGAN BERHARAPKAN SANGAT, SELAGI WAJAH2 YANG TELAH MENCEMARAKAN BAIK UMNO MASIH BERGELAR PEMIMPIN DIDALAM RUMAH KERAMAT BANGSA MELAYU ITU.

BAGI KAMI YANG TIDAK PUTUS MENGUNDI BN SEHINGGA PRU 11 ( PRU 12 TERIMA 'BAD OMEN' - KERETA ROSAK DALAM PERJALANAN) TIDAK AKAN LAGI PERGI MENGUNDI SELAGI PUCUK PIMPINAN UMNO HANYA BERANI 'BERCAKAP TAPI TAKUT BINI'....OOPS, TAKUT BIKIN.

KPI NAJIB MASIH DITAKOK LAMA APABILA MEMILIH CALON KITAR SEMULA UNTUK BAGAN PINANG, MASIH MENGEKALKAN ALI RUSTAM SEBAGAI KETUA MENTERI DAN KJ DAN KHIR TOYO ANTARA PEMIMPIN YANG MASIH BERMASALAH, YANG BELUM DIKENAKAN TINDAKAN BAIK OLEH UMNO MAHU PUN KERAJAAN ( SURUHANJAYA PILIH RASA)

KAMI KATAKAN, WALAUPUN 10 RUKUN SEKALI DIUTARAKAN, RAKYAT AKAN HANYA TERIMA SEBAGAI SATU JENAKARAMA SELAGI MEREKA YANG BERBADAN NAJIS MASIH DITERIMA SEBAGAI PEMIMPIN UMNO...PERCAYA LAH!

ALFATIHAH, AMIN.

ps. Jangan terlalu gembira atas kemenangan besar Isa Samad diBagan Pinang. Kami yang hanya duduk dirumah pun telah meramalkan nya. Hanya kami katakan BN menang jadi arang, kalah jadi abu.

By fib  on [October 15, 2009 12:48 AM](#)

salam Tun..

kali nie saya sependapat dengan Tun.keupayaan PM bukan pada gambar dan populariti tetapi pada usaha dan kebijaksanaan mentadbir.

apa guna bercakap manis dan menunjuk-nunjuk kebaikan jika hasil yang digapai kosong dan memalukan.Apa gunanya amalkan baling batu sembunyi tangan,kelak negara yang rugi dan rakyat yang sengsara.Kesannya lahirlah pemimpin yang tidak berguna,apa gunanya menterbalikkan sistem perundangan kelak akhirnya dijadikan peluru dan imuniti untuk mencari alasan.timbul lah perkara baru dan akan memeningkan kepala setiap penentu apabila diperlakukan oleh pelaku yang inginkan keadilan palsu,mendapat akhiran yang jelek,diketawakan oleh pihak luar seolah-olah badut membuat persembahan.

Apa-apa pun komen yang diberi, jasa Tun tetap dikenang kerana ada hasilnya,apa-apa pun yang dilemparkan terhadap Tun,kejayaan telah diperlihatkan.walaupun soal sahsiah dilemparkan dan soal kemajuan diambil serius itu bukan soalnya bagi pemikir duniawi.soalnya dimana fungsi kelangsungan objektif yang ingin dikejar.setakat ini hanya mencipta slogan palsu dan jelek.bukan slogan demi slogan yang harus dicipta tetapi penambahbaikan terhadap matlamat ataupun pembaharuan yang dibawa agar selari dengan sahsiah dan kemajuan untuk negara.jika gagal tidak mengapa kerana ada usaha.tetapi jika tiada usaha apa ukurannya.apa penandaannya.apa arasannya..

walaupun Tun tidak mencapai tahap wasilah tetapi duniawi telah menjadi landasan kepada rakyat agar mengejar ukhrawi.Tidak dinafikan kesannya adalah sangat buruk tetapi masih terkawal.tetapi sekarang tiada apa yang hendak dibanggakan..hanya syok sendiri dengan permainan mencipta slogan.Lebih malang kerana mempunyai legasi dan komuniti yang bijak mencari peluang dan ruang agar diri menonjol bukan membanggakan tetapi membebankan.kesan ketaranya terpaksa memikirkan pelbagai alasan penyelesaian imej berbanding mengejar kemajuan.

By future leader  on [October 15, 2009 12:48 AM](#)

Salam Tun,saya adalah seorang pelajar perubatan tahun pertama tajaan JPA di sebuah universiti di India.Sejak dari kecil lagi saya menyanjungi segala perjuangan,jasa dan pemikiran jauh Tun yang banyak mengubah Malaysia sehingga menjadi sebuah negara terkenal dan digeruni oleh serata dunia.Saya menjadikan Tun sebagai "Role Model" saya.Saya bercita-cita untuk menjadi seorang doktor pakar yang sedia berkhidmat untuk agama,bangsa dan negara dan ingin menjadi seorang yang berjaya seperti Tun pada masa hadapan kelak...InsyaAllah

Saya sangat teringin untuk bertanya soalan kepada Tun tentang segala pengalaman-pengalaman manis mahupun pahit ketika Tun bergelar sebagai seorang pelajar khususnya semasa menjadi seorang palajar perubatan dan ketika menjadi seorang doktor perubatan dahulu.Saya juga teringin untuk mengetahui apakah rahsia dan pendorong utama yang menjadikan Tun seorang yang berjaya.

Saya doakan semoga Tun dipanjangkan umur,sihat dan sentiasa dimurahkan rezeki dan semoga Malaysia akan terus maju dan cemerlang setanding dengan negara-negara maju lain.Sekian,ribuan terima kasih.Salam

By SMR  on [October 14, 2009 11:43 PM](#)

Salam,

Saya setuju dengan Tun. Gambar pemimpin hanya untuk pilihanraya sahaja. Bukan sebab tak hormatkan pemimpin, tapi bila billboard sebegitu mem cendawan tumbuh lepas hujan, hanya satu je dalam kepala rakyat bila melihat - GILA GLEMER betul orang ni. :D Gambar raja dan sultan ok. - ianya lambang kedaulatan tanah melayu. Tiada personal gain dalam tu.

Gambar orang yang dibenarkan patutnya gambar raja-raja (lambat kedaulatan), dan juga gambar gambar perdana menteri sahaja (lambang sumbangan mereka). Kira perdana menteri itu mewakili semua menteri pada masa zaman dia lah.

Harap para pemimpin tidak galakkan budaya 'idolism' dalam masyarakat kita.

By art  on [October 14, 2009 11:42 PM](#)

Saya setuju dengan pendapat tuan. Sayangnya kesedaran tuan sudah terlambat kerana waktu berkuasa dahulu tuan tidak membetuli apa yang perlu. Tuan banyak membawa pembangunan dan kejayaan pada negara terutama tuan bersama dengan DSAI. Beliau juga bersama tuan sewaktu party UMNO berpecah dan diharamkan. Cuma saat akhir apabila tuan rasa diri tuan tergugat dan anak anak tuan jatuh teruk dalam perniagaan tuan mengambil tindakan yang agak tidak disenangi oleh kebanyakan rakyat. Akhirnya pemimpin disekeliling tuan berkerja untuk tuan bukan bersama tuan kerana mereka ini tidak ada pendirian. Mereka takut bersuara dan masing masing mengambil kesempatan untuk mengkaya diri mereka tidak kira halal dan haram harta yang dikumpul. Hanya yang bersih dan berani bersama DSAI memperjuangkan keadilan. Pemimpin pemimpin ini takut kalau kuasa diambil oleh pembangkang kerana segala harta yang terkumpul secara haram akan dibongkar. Untuk mendapat kemenangan mereka sanggup mengeluarkan wang berjuta juta untuk mendapat sokongan. Ini termasuk dalam pemilihan pemimpin dalam UMNO. Maka orang orang melayu yang masih tidak mahu berubah menganggap rasuah satu budaya yang tidak dapat dipisahkan. Mereka tidak sanggup kalau UMNO dikorbankan sekira mahu perubahan pada negara. Biarkah pemimpin yang ada penuh dengan skandal dan rasuah asalkan ada sedikit ketuanan melayu memerintah negara. Kekayaan yang terdapat pada orang melayu kebanyakan bukan kerana usaha tetapi dari kuasa politik. Mimpi saya orang kerdil masih jadi mimpi, ingin sebuah negara yang betul betul demokrasi, media yang bebas, pemimpin yang bersih berjiwa rakyat, makamah, PDRM, SPR, SPRM bebas dan jauh dari pengaruh kuasa politik. Semangat perjuangan yang ada pada UMNO hanya sewaktu diperhimpunan tetapi selepas itu balik kejalan asal, perpecahan dan rasuah. Hanya pantun dan kata kata menjadi kesedapan dalam perhimpunan disusuli pula dengan media, pembaca berita yang tidak habis habis memuji dan mengulas kata ucapan pemimpin.

By [penghuni desa](#)  on [October 14, 2009 11:25 PM](#)

YAB dan dikasihi Tun

Saya amat setuju dengan saranan Tun itu, tapi kalau yang dinaikkan itu wajah Tun tak apalah sebab orang suka tengok, wajah Tun kan handsome!..... kalau wajah orang lain tak tahulah saya.....

Terima Kasih Tun..

By sikenit  on [October 14, 2009 11:07 PM](#)

Salam Tun dan pembaca-pembaca budiman,


1. Negeri-negeri di bawah pemerintahan **Pakatan** sedang galak menaikkan billboards dengan wajah-wajah pemimpin mereka, daripada wakil-wakil rakyat kawasan dan parlimen, hinggalah kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri di negeri nan satu itu.
2. Wajah-wajah tersebut siap berposing, dengan senyuman tak lekang di bibir, berserta kata-kata yang bermacam-macam bunyinya....
3. Betul nasihat Tun, sudah ada timbul sedikit 'cemus' di hati kerana wajah-wajah tersebut asuyik timbul sana sini.
4. Tapi mereka tak kan nak dengar nasihat Tun, betul tak??
5. Biarkan si luncai terjun dengan labu-labunya... Biarkan!! Biarkan!!

sikenit.

By AzMa  on [October 14, 2009 10:46 PM](#)

Assalamualaikum Tun,

1. Diharap orang UMNO jangan jangan jadi seperti penyokong taksu PAS, bukan sahaja di Kelantan dipenuhi dengan muka Nik Aziz (ulamak nyanyok) malah sekarang ini menjadi stiker pada cermin kereta.
2. Bila tengok gambar Nik Aziz pada papan tanda atau pada kereta, memandupun dah jadi tak tenteram teringat akan fatwa songsangnya.
3. Lebih damai melihat pokok ataupun pemandangan alam semulajadi.

By [suratkhbarlama](#)  on [October 14, 2009 10:33 PM](#)

Assalamualaikum Yang Amat Berbahagia Tun semoga sehat selalu insyallah. Saya berstuju Tun supaya gambar PM dan Menteri menteri tidak di pamir sedemikian sebaliknya YAB PM mengarahkan supaya gambar rakyat berbilang bangsa yang menjulang 1 Malaysia di pamirkan, gambar rakyat yang berjaya, gambar Malaysia yang boleh menarik pelancong, gambar yang boleh memberi semangat ke kitaan, gambar yang boleh menyatukan rakyat, gambar yang boleh memberi perasng kepada anak muda untuk terus belajar menuntut ilmu science dan teknologi dll. sekian terima kasih  
Wasalamualaikum.

By huzanna  on [October 14, 2009 9:54 PM](#)

Assalamualaikum Tun Yang Amat Dihormati,

1. Papan tanda yang menunjukkan wajah seseorang pemimpin, bagi saya tidaklah begitu memberi kesan, tetapi yang menjadi masalah sekiranya terlampau banyak, tambahan pula, sekiranya pemimpin itu bukan seorang yang mempunyai rekod kerja dan kepimpinan yang cemerlang.
2. Walaupun Tun tidak bersetuju gambar Tun diletakkan di mana-mana papan tanda, bagi saya Tun lebih layak dan sesuai (sejuk memandangnya), bersesuaian rekod pemerintahan dan kepimpinan Tun yang cemerlang. Bukan hendak membodek, tetapi itulah kenyataan.

Semoga Tun dan Tun Siti Hasmah sentiasa menjaga kesihatan. Keikhlasan seorang hamba Allah terpancar pada air mukanya, itulah yang saya nampak pada Tun. Semoga Tun berdua sentiasa dilindungi dan dirahmati Allah. Semoga negara kita akan kembali ke landasan yang betul dibawah kepimpinan DSNTR, terlalu banyak lagi tugas yang harus kita dilakukan.

BERSATU RAKYAT UNTUK KESEJAHTERAAN NEGARA TERCINTA, MALAYSIA.

By [On Da Street](#) on [October 14, 2009 9:40 PM](#)

Tun,

Insyallah.. mudah-mudahan begitulah.. serasanya, biarpun tanpa sepanduk, jika pemimpin itu dekat dihati rakyat, insyaallah wajahnya akan sentiasa diingati dan dikenali..

~ OnDaStreet

By [pakbelalang](#) on [October 14, 2009 9:13 PM](#)

Dear Tun,

Teguran Tun amat tepat sekali. Semasa saya berhari raya di Seremban, seluruh tiang-tiang letrik di bandar Seremban digantung dengan sepandok gambar muka Menteri Besar Mohamad Hassan kononnya untuk mengucap Selamat Hari Raya.

Amalan ini mesti di hentikan. Ianya satu pembaziran wang rakyat.

By [rahim](#) on [October 14, 2009 9:09 PM](#)

Y.A.Bhg Tun,

Terima kasih kerana Tun telah menimbulkan isue ini. Sebenarnya menaikan poster yang besar dimerata tempat diseluruh negara adalah peluang untuk memberi perniagaan kepada kroni. Saya perhati, banyak Kementerian mempunyai pelbagai poster besar yang dipasang diseluruh negara dan amat menyemakan. Belanjanya sudah tentu besar sehingga puluhan juta. Contohnya kempen Tak Nak Merokok. Siapa yang dapat kontrak untuk pasang poster dimerata tempat dan berapa jumlah peruntukan yang digunakan. Kementerian Kewangan sangat lemah dalam memantau perbelanjaan oleh pelbagai Kementerian. Nampaknya, matlamat utama adalah untuk memberikan peluang kontrak kepada kroni.

2. Menaikan poster besar PM, MB dan juga Menteri tertentu adalah sesuatu yang sangat menjijikan kerana wang rakyat digunakan. Perbelanjaan yang begitu besar lebih baik digunakan untuk membina rumah kos rendah atau membiayai makanan kepada murid miskin. Kalau kita pergi ke negara maju lain, tidak ada poster sedemikian.

3. Syabas Tun kerana membangkitkan isue berkenaan. Tetapi siapa yang baca blog ini. PM, MB atau Menteri ada masa nak baca ke?. Mereka mungkin tidak sedar yang rakyat benci dan meluat melihat gambar mereka diposter yang besar. Pencacai mereka sebenarnya lebih camca dari bubor yang akhirnya bos mereka tersungkor. Contohnya Azlina, bekas Menteri Pelancongan dah tersungkor. Gambarnya diposter bukan main intim lagi dengan mantan PM. Tolong jangan buat benda yang menimbulkan kebencian rakyat. Duit rakyat hendaklah digunakan dengan baik supaya negara terus maju bukan mundur ke belakang. Singapura dah jauh meninggalkan kita kerana pemimpinnya jaga duit rakyat dengan baik dan tidak ada benda pelik yang mereka buat. Di Malaysia, banyak belanja kepada benda-benda yang pelik dan tidak masuk akal, contoh

terkini projek PKZ. Tanah dibeli beratus juta ringgit. Kontrak diberi secara runding terus dan akhirnya berbilion ringgit dibelanja tanpa pemantauan yang betul.

Yang Iklas,  
Rahim

By [rarnasalam](#) on [October 14, 2009 9:05 PM](#)

Tun

LOL - dont tell me you're now recycling topics

The last time you raised this whole poster issue, I thought it was sour eggs...

On the topic this time, I recognise there is some merit to the content. I agree Leaders shouldnt be idolised. They should be respected, NOT idolised.

During your era, there were other type of idolisation of you including posters of yourself. However, you make out Tun Abdullah (or during his Premiership) had more posters than you.

You know what, his supporters probably felt that the right thing at the time - ie. advertising. You see, Tun Abdullah was leading the country after a long regime under you. His supporters probably felt they needed for him to "shake your shadows" so to speak so the country knows who was leading it.

Obviously, you take it personal and don't wish for anyone other than yourself to be idolised.

(Ravi)

By [iiziin](#) on [October 14, 2009 8:45 PM](#)

----- bila sesuatu dipamirkan bersaiz dan cara sederhana, bolehlah diterima, tapi jika dibesarkan dan diletakkan di merata rata tempat; seolah olah memaksa orang menatap wajahnya memanglah mencemarkan pemandangan alam semula jadi. Berpada padalah.

By [sel](#) on [October 14, 2009 7:42 PM](#)

ASWT YAB TUN,

Absolutely agree with U  
Not just WHO U ARE.  
Most importantly WHAT U DO.

Salam  
Sel

By [babwahid](#) on [October 14, 2009 7:35 PM](#)

Satu lagi cara iklan yang memuakkan mata , bila mana ada suatu projek kerajaan yang akan dibena, maka berdirilah dengan megah nya poster besar yang berbunyi " SATU LAGI PROJEK KERAJAAN BARISAN NASIONAL" rakyat tahu lah tu..

By [SBK](#) on [October 14, 2009 7:34 PM](#)

1. Salam kepada ayahanda TUN dan keluarga

2. Saya amat bersetuju dengan pendapat TUN itu. Kacak @ Lawa sangat ke menteri-menteri kita ni sampai gambar mereka diabadikan di atas banner @ poster. Adakah dengan memaparkan gambar mereka-mereka ini dapat menarik pelancong datang berduyun-duyun ke negara kita.

3. Sepatutnya banner@poster ini hendaklah memaparkan keindahan alam di negara kita. Sebagai contoh tempat-tempat peranginan seperti Langkawi, Pangkor dan sebagainya. Dengan memaparkan tempat-tempat sebegini pelancong-pelancong luar akan tahu dimana hendak ditujui.

4. Diharap semua agensi-agensi kerajaan mengambil berat teguran daripada TUN

Hidup TUN, Hidup Melayu, Hidup Bumiputra, Hidup Rakyat Malaysia

By [Redhuan D. Oon](#) on [October 14, 2009 7:24 PM](#)

Tun,

Teguran perlu senantiasa diberikan kerana seperti Tun sering mengingatkan bahawa kami ini cepat lupa. Namun adalah sungguh mencemaskan apabila yang mendengar peringatan itu tidak mengendahkan malah hanya berubah sikap apabila dilanda krisis.

Lebih-lebih lagi mereka tidak mahu pula mendengar nasihat dari Tun yang sudah amat terbukti keberkesanan dalam pendapat dan sejarah perjuangan Tun sendiri. Sekiranya mereka ini tidak mahu dengar cakap Tun, apatah lagi kita orang kerdil rakyat bawahan. Lagi tidak akan didengari nasihat maupun rungutan kami ini.

Harap dengan asyik menulis di sini harap-harap ada juga pemimpin negara yang menjenguk dan mengambil begitu banyak buah fikiran rakyat yang boleh diguna-pakai demi masa depan bersama.

Redhuan D. Oon

[PendAtang Dengan Izin](#)

By [singora](#) on [October 14, 2009 7:15 PM](#)

Yg Berhormat Tun,

Komen yg baik dan ikhlas.

By [Jamal](#) on [October 14, 2009 6:42 PM](#)

Salam Tun,

Tak payah lah wajah pemimpin2 di pamer di sana sini - buang duit aja. Pembasiran. Nak jadi Macam Saddam ke atau Stalin ke atau Pemimpin2 yang sewaktu dgn nya?

Apa ada pada wajah? Don't judge a book by its cover.

Apa yang penting kebolehan, ikhlasan dan keberkesanan merealisasikan cita2 Negara.

Saya mnemang amat kagum dan bangga dengan kebolehan, keikhlasan dan pencapaian Tun sebagai PM Malaysia. Bila saya lihat gambar Tun di sama sini - sidikit pun saya tak merasakan apa2.

Tetapi ucapan (dan idea) Tun dan tindak tanduk Tun lah yang membuat saya kagum dan bangga.

Kerana Tun telah membawa Malaysia ke tahap kemajuan yang setanding dengan negara2 Asian Tigers yang lain.

Jika dulu LKY dan rakyat nya suka memperkecilkan Malaysia. Tun telah menunjukan kepada LKY bahawa Malaysia BOLEH.

Malaysia dengan system demokratik nya yang sihat ada peluang yang lebih baik kekal kesinambungan kepimpinan nya.

Singapore - jika LKY tiada - tak tahu apa nasib yang akan menimpa mereka.

Terima Kasih Tun.

By [Rimba Emas](#) on [October 14, 2009 6:40 PM](#)


SALAM BUAT TUN BERDUA MOGA DIRAHMATI ALLAH S.W.T.

- 1) INI ADALAH KALI KEDUA TUN MENGUTARAKAN MENCARI PUBLISITI UNTUK BERGAMBAR DENGAN SEORANG PERDANA MENTERI.
- 2) RIMBA EMAS SENDIRI AKAN RASA BERBANGGA JIKA MEMPUNYAI GAMBAR BERSAMA-SAMA TUN UNTUK SIMPANAN PERIBADI. INI SALAH SATU SEBABNYA RIMBA EMAS SANGGUP MENYERTAI TUN DALAM KOMENTAR INI. SEBABNYA TUN MEMBERI PELUANG UNTUK KOMEN.
- 3) RIMBA EMAS RASA TUN SUDAH KETAHAP POPULAR SEHINGGA TELAH MENJADI IKON UNTUK MENJADI SESEORANG YANG DIINGATI SERTA CITA RASA YANG DIMASUKKAN DALAM CATATAN YANG DI KEHENDAKI SESETENGAH INSAN BERNAMA MANUSIA, JADI TAK PERLULAH TERLALU MERENDAH DIRI, PASTI TUN BERSYUKUR AKAN ANUGERAH ALLAH S.W.T INI.
- 4) TUN PERLU FAHAM RAMAI YANG INGIN MENUMPANG UNTUK SEKURANG-KURANGNYA UMPAMA BERKAT ATAU TUAH YANG TELAH DIKURNIAKAN KEPADA TUN ITU YANG TERLALU JUGA INGIN DIMILIKI OLEH SESETENGAH INSAN BERNAMA MANUSIA INI.
- 5) NAMUN KESEINAMBUNGAN PEMIMPIN KEPADA PEMIMPIN YANG LAIN YANG TELAH DI RENCANAKAN ANTARA GOLONGAN ATASAN INI TERMASUKLAH HUBUNGAN KELURGA, AKADEMIK, YANG MENYERTAI PIMPINAN PARTI, DI BAWAH TUGASAN KERJA SENTIASA MENPUNYAI HUBUNGAN YANG RAPAT DENGAN TUN.
- 6) JANGAN SALAHKAN RIMBA EMAS DAN KOMENTAR YANG TIDAK PERNAH MENDAPAT BANTUAN SECARA (PERSONAL) DARI TUN SENDIRI TERPAKSA MENGGUNAKAN PENDEKATAN BEGINI.
- 7) RIMBA EMAS TERPAKSA MENGAKU TIADA PERUBAHAN YANG TELAH BERLAKU DALAM SEBARANG URUSAN DARI TUN SEHINGGALAH PERDANA

MENTERI KITA SEKARANG DATO'SRI NAJIB, KEADAANNYA SAMA SAHAJA TIADA PELUANG.

8) MASIH TERASA KOMENTAR BAGAI LANGIT DENGAN BUMI, HANYA ALLAH S.W.T SENTIASA DI SISI.

WALLAHUA'ALAM

By AkuhambaAllah  on [October 14, 2009 6:14 PM](#)

Assalamualaikum dan salam hormat buat Tun.

1. Apabila seseorang itu mencari nama(populariti)secara melampau melebihi amanah yg dipikul,akhirnya ia akan jatuh dgn keadaan yg memalukan.
2. Adalah disarankan supaya semua lapisan pemimpin termasuk PM,TPM semua menteri mahupun wakil rakyat supaya turun padang dengan ikhlas dan jujur (tanpa karpets merah & publisiti)untuk memahami dan merasi sendiri masalah rakyat jelata bukan sahaja yg berada di pedalaman malahan yg berada di bandar-bandar besar, yg bekerja dikilang-kilang dgn pendapatan yg rendah, yg begitu bersusah payah utk membesarkan anak-anak, yg adakalanya anak-anak mereka terbiar berkeliaran (kerana ibu bapa mereka TERPAKSA sibuk mencari nafkah),yg kebanyakannya menjadikan mee segera sebagai makanan ruji mereka,yg semakin berusia tetapi masih terpaksa bekerja mencari sesuap nasi dan yg..yg..yg.. banyak lagilah!!
3. Apabila pemimpin2 ini turun padang, tidak perlulah bawa semua pengikut2nya,atau pengampu2nya,atau bodyguard2nya. Jika perlu, bermalamlah bersama rakyat golongan susah ini, turunlah ke surau/masjid mereka,turunlah dipasar tempat mereka berbelanja dan dengarlah keluhan mereka,naikilah bas yg mereka naiki dan dengarlah luahan hati mereka.Bantulah mereka ini seikhlas-ikhlasnya.(Jgn pula keesokan harinya terpampang diakbar utama, si polan itu memberi sebanyak ini.)Wahai pemimpin2ku, sanggupkah dan beranikah anda berbuat demikian??? Cepatlah sebelum terlambat. Jgn pula apabila pembangkang memulakannya baru anda ingin mencuba!!!

Fikirkanlah dan pertimbangkanlah dgn sewajar-wajarnya.

By nash  on [October 14, 2009 6:04 PM](#)

Salam Tun,

Pak Lah itu bukankah handsome orangnya saperti model. Sentiasa tersenyum dan begitu juga menteri menterinya.Jadi tak salahlah mereka papar muka muka mereka ditepi tepi jalan.Kalau di akhbar nanti orang buat alas periok didapur.Selepas ini gambar Rosmah pula dipapar disana sini. Sorang model lah konon nya.

Sedikit hari dahulu gambar Anwar dipapar besar diBatu Cave. Semua orang India berhenti sembah gambar ia ketika lalu dekatnya.Mungkin Pak Lah minta orang ramai berbuat demikian tetapi tidak laku. Kasihan.....

Sekian 10Q


By ilah09  on [October 14, 2009 5:55 PM](#)

Ya saya SETUJU TUN..SETUJU SANGAT-SANGAT..If BN taknak dengar apa yg TUN katakan ini,kalah pilihanraya padan muka lah sebab rata-rata ramai yg meluat dgn BN sekrng kerana BN tunjuk EGO,BESAR DIRI dan BONGKAK..

[By](#) majalahsains  [on](#) October 14, 2009 5:55 PM

Salam hormat Tun M


Paling baik sekiranya pemimpin-pemimpin seperti Tun menegur semasa berkuasa. Bila kuasa sudah tiada, payah sikit untuk orang terima

[By](#) danielsdb  [on](#) October 14, 2009 5:52 PM

Dearest Tun,


You are absolutely right, we really hate those giant billboards. Like "angkat diri dalam bakul". If a leader is capable and people like them, they don't need to remind us of their looks or what they do. They will always remain in our hearts, just like Tun.

Selamat Hari Raya Aidilfitri.

[By](#) jebat  [on](#) October 14, 2009 5:49 PM

Salam YBhg Tun,

Setuju sangat dengan saranan YBhg Tun. Masa raya lepas banyak juga papan tanda gergasi ucapan Selamat Hari Raya daripada individu-individu yang juga Menteri Besar atau Ketua Menteri. Saya rasa ini boleh dimaafkan dengan syarat diturunkan semula selepas habis beraya.

[By](#) echopena  [on](#) October 14, 2009 5:43 PM

Benar itu Tun.

Tambahan pula meletakkan poster dengan wajah pemimpin, tidak jauh bezanya dengan mendirikan tugu untuk mereka.

Apatah lagi kalau berbulan-bulan dibiarkan bergantung.

Kadang poster yang cukup cantik dirasakan tercemar pula dengan adanya wajah pemimpin meskipun pemimpin itu kita sebenarnya suka.

[By](#) Faizal Bin Zakaria  [on](#) October 14, 2009 5:42 PM

Hormat lebih baik daripada memuja..

**Kejutan 1 Malaysia – Rakyat Didahulukan. Pencapaian Diutamakan :-)**

>>> Klik Di Sini

[By](#) mednahr  [on](#) October 14, 2009 5:34 PM

Salam Tun,

Apa relevannya muka diorang dalam sepanduk dan papan tanda merata2 tu...

Guna duit sapa buat sepanduk2 dan papan2 tanda tu agaknya. Guna duit poket sendiri ke?

Kami rakyat memang nampak benda2 pembaziran mempromosikan diri yang semacam ini tapi pendam saja dalam hati.

Dengan adanya blog Tun ini dapat juga kami luahkan.


[By pakpandir08](#)  [on](#) October 14, 2009 5:29 PM

ermmm ... adakah Tun bermaksud bahawa muka Perdana Menteri di atas papan tanda seharusnya tidak boleh dicemari oleh menteri lain ... agar muka Perdana Menteri lebih menonjolkan?

[By Redza](#)  [on](#) October 14, 2009 5:20 PM

Salaam Tun,

Pada pandangan kecil saya, ini adalah salah satu 'PR' exercise, yang digunakan oleh muka-muka baru, dan lebih-lebih lagi mereka yang tahu diri mereka kurang 'popular'. Ini satu exercise yang "kill two birds with a stone". PR dan publisiti untuk mereka yang memerlukan nya, dan kesambilan itu membuka/memberi ruang "business project" untuk merangup keuntungan wang bagi kunci-kunci mereka yang dalam bidang advertising, printing dan bill board. ;) Win Win situation, of course.

[By aaaa](#)  [on](#) October 14, 2009 5:18 PM

Betul tu Tun... tambahan pulak waktu tu menteri pelancongan tu selalu menang tanpa bertanding jer.. Tak mesra rakyat pulak tu, sombong!! Berlagak lebih, jadi menteri... Lelaki pun tak sombong mcm dia.. saya bandingkan dia dgn lelaki sebab dia lagak mcm lelaki..

[By siti](#)  [on](#) October 14, 2009 5:17 PM

Askum Tun ...

Rakyat ni kadang2 cepat memaafkan orang tambahan pulak klu pemimpin jaga tempat mereka dengan baik.

Peduli apa orang kampung pasal rasuah2 ni. Asalkan kampung mereka terjaga asalkan pemimpin leh jenguk2 sakit pening mereka.

Pemimpin PKR & PAS pun bukanlah clean sangat but still diterima rakyat sebab mereka dekat dengab rakyat. Pandai amik hati rakyat.

Tun ...

Tunjuklah jalan pada semua lapisan pemimpin umno. Baliklah jenguk2 tempat dan kawasan mereka. Baliklah n jemaahlah dengan pengundi2 mereka.

Semudah itu juga mereka boleh kembali yakinkan rakyat.

Sudah-sudahlah tu dok melengak atas kerusi empuk. Udah-udah ler tu yop. Ingat next PRU dah dekat.

Wasallam

[By OrangLama](#)  [on](#) October 14, 2009 5:11 PM

Salam,

Ya gambar2 ahli politik tak sesuai lansung dipapar di papan besar khalayak umum.

Gambar2 yang sesuai pada papan tanda besar umum termasuklah

1. gambar Raja2 dan Permaisuri
2. gambar perpaduan/muhibah pelbagai kaum
3. gambar2 Allahyarham Tunku Abdul Rahman menjelang kemerdekaan sambutan kemerdekaan.
4. gambar2 kempen peringkat kebangsaan seperti kempen basmi denggi,dadah,Mat Rempit,

pemuliharaan alam semula jadi, kempen beli barang Malaysia.

5. gambar motivasi seperti kerja kuat dan lain2

terlalu banyak gambar yang bersesuaian. Semua ini boleh menguntungkan BNasional tetapi kerajaan BNasional langsung tak ambil peluang keemasan ini.

Seperkara lagi semak mata memandang gambar2 iklan merata2 di tepi jalan. Ditambahkan pula berduyun2 papan iklan di kawasan2 perumahan.

Source : <http://chedet.co.cc/chedetblog/2009/10/sound-bites---wajah-pemimpin.html>